

HADIS Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda :
"Sesiapa membaca selawat kepadaku sekali, maka Allah melimpahkan kepadanya sepuluh rahmat dan dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan serta Allah mengangkat sepuluh darjat".
(Hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari, An-Nasaie, Ahmad dan Al-Hakim).

PM REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE TIBA DI NBD

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão, dan rombongan yang mengadakan Lawatan Rasmi selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

>> Muka 3



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.



Berita Utama



HADAPI ujian dengan keimanan

Muka 4



41 Perawat Islam terima Sijil Latihan Asas Kesihatan Mental

Muka 8



UBD perkukuh aplikasi penyelidikan ke arah impak dunia sebenar

Muka 10



HANAN Falhan, cipta identiti batik Brunei asli, tersendiri

Muka 20

Zahirkan kasih sayang, pelihara tanggungjawab lahirkan keluarga 'sakinah'

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

TUTONG, Sabtu, 2 Mei. - Sebuah keluarga *sakinah* tidak terbina secara kebetulan, akan tetapi ia melalui dua asas utama iaitu kasih sayang dan tanggungjawab.

Kasih sayang adalah asas pembinaan keluarga, sebagaimana ditunjukkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang menjadi contoh terbaik dalam melayani keluarga dengan penuh kelembutan dan kebaikan. Kasih tersebut perlu dizahirkan melalui komunikasi yang baik, meluahkan masa bersama serta menunjukkan perhatian secara nyata.

Demikian antara pengisian tazkirah keluarga yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Agama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian pada Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2026 bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, hari ini.

>> Muka 6

Pelantikan, penetapan pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

telah mengurniakan titah perkenan bagi Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff untuk dilantik dan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan.

Tarikh pelantikan dan penetapan jawatan pegawai kanan berkenaan berkuat kuasa mulai hari Isnin, 4 Mei 2026 bersamaan 16 Zulkaedah 1447.

Penjagaan primer, intervensi awal penting dalam rawatan buah pinggang

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Ahad, 3 Mei. - Kementerian Kesihatan menegaskan keperluan untuk memperkukuh kapasiti penjagaan primer dalam pengesanan awal dan pengurusan penyakit buah pinggang kronik yang kini dihadapi oleh sekitar 42,000 penduduk di negara ini, di samping kos rawatan renal yang terus meningkat sehingga mencecah BND17 juta pada tahun 2025.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata, penjagaan primer kekal sebagai titik intervensi pertama dan paling penting.

"Tindakan awal dapat memperlancarkan perkembangan penyakit, mengurangkan komplikasi dan melambatkan keperluan untuk rawatan dialisis.

"Ini secara langsung dapat meningkatkan

hasil kesihatan pesakit serta menyokong kemampuan sistem penjagaan kesihatan negara," kata Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat berkata demikian semasa menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat pada Simposium Renal 2026 Hari Buah Pinggang Sedunia yang berlangsung di Hotel Mulia, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Yang Berhormat menambah, Pengamal Perubatan Am memainkan peranan penting dalam usaha tersebut melalui pengukuhan sokongan, penyediaan laluan rawatan yang jelas serta kerjasama dengan perkhidmatan kepakaran.

Menurut Yang Berhormat, penyakit buah pinggang berkembang secara senyap selama bertahun-tahun.

>> Muka 5

Memperkukuh pembelajaran dan penghayatan Al-Quran ke arah pembinaan generasi bertakwa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447H / 2026M pada Rabu, 29 April 2026 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillaahir Rahmanir Raheem,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa

Umuuriddunya Waddeen, Wassalatu
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een,
Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan Izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama berhimpun pada malam yang penuh berkat ini bagi menyemarakkan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi.

Beta mengambil maklum tema Majlis Musabaqah pada tahun ini berbunyi "Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya". Sesungguhnya Al-Quran bukan sahaja untuk dibaca bahkan untuk dipelajari, difahami dan diamalkan sebagai panduan hidup.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra ayat 9, tafsirnya "Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan salih bahawa bagi mereka adalah pahala yang besar".

Ayat ini telah menjelaskan bahawa pembelajaran Al-Quran tidak terhenti kepada membaca sahaja, bahkan meminta kita untuk memahaminya serta menghayati pengajaran yang terkandung di dalamnya.

Sehubungan itu, Musabaqah Membaca Al-Quran ini hendaklah difahami sebagai salah satu usaha berterusan Kerajaan Beta dalam mengukuhkan pembelajaran Al-Quran secara menyeluruh, di samping pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif berkaitan Al-Quran yang telah diungkapkan oleh pelbagai agensi, sama ada melalui program kemahiran Al-Quran, tadabbur dan penghayatan ayat-ayat Al-Quran, kelas-kelas Al-Quran di masjid-masjid mahupun program-program pembangunan belia dan masyarakat serta pusat-pusat pembelajaran Al-Quran swasta yang semakin berkembang di negara ini. Kesemua usaha ini adalah bertujuan

untuk memperelok bacaan, memperdalam kefahaman serta menzahirkan penghayatan Al-Quran dalam pembentukan akhlak dan tingkah laku.

Dalam usaha memperkukuh lagi budaya membaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat, Beta juga mengambil maklum mengenai satu inisiatif baharu Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu penubuhan Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA) khusus bagi kanak-kanak yang berumur 10 tahun hingga 11 tahun. Skim ini merupakan satu langkah yang amat baik dalam menyemai kecintaan terhadap Al-Quran sejak usia lebih awal lagi. Melalui skim ini, kanak-kanak akan diberi latihan dan bimbingan awal mengenai ilmu tilawah Al-Quran dan sekali gus menyemai kecintaan terhadap Al-Quran.

Beta percaya, usaha memupuk peringkat kanak-kanak ini adalah sangat penting untuk menjadi asas dalam pembentukan akhlak dan keperibadian yang mulia.

Beta melihat bahawa dalam era kemajuan teknologi masa kini penggunaan medium digital dalam pembelajaran, penyebaran dan penghayatan Al-Quran adalah semakin meluas. Namun beta berpendapat bahawa teknologi sahaja tidaklah cukup untuk menghasilkan penghayatan Al-Quran melainkan mesti ada juga kesungguhan dalaman mencintai Al-Quran.

Akhimya marilah kita terus menjadikan Al-Quran sebagai panduan sepanjang hayat, kerana Al-Quran menurut Hadis Nabi Riwayat Muslim akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada para pembacanya.

Kepada Johan Qari & Qariah serta semua yang berjaya ke peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun ini, Beta tidak lupa merakamkan ucapan tahniah dan selamat maju jaya.

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASTIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4	ISNIN	16	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38
5	SELASA	17	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.38
6	RABU	18	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
7	KHAMIS	19	4.36	4.46	6.07	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
8	JUMAAT	20	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.37	6.26	7.39
9	SABTU	21	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
10	AHAD	22	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 33 25 °C	34 26 °C	34 26 °C	
Pekan Bangar 32 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong 33 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

4 MEI 2026

Saling menyayangi teras kebahagiaan keluarga

DALAM keluarga, jika tidak ada kasih sayang di antara anggota keluarga maka kehidupan keluarga tidak akan rukun, selalu berkelahi, atau tidak harmonis. Keluarga akan bahagia bila setiap anggota keluarga saling menyayangi, ibu bapa menyayangi anaknya dan mendidiknya dengan penuh kasih dan sebaliknya anak-anak pun menyayangi kedua ibu bapa dan adik-beradik lain. Setiap anggota keluarga harus saling mendukung, saling melengkapi, bekerjasama, memahami dan mengerti, percaya, serta jujur.

Rumah yang bahagia tidak semestinya mewah. Cukup dengan suasana penuh hormat, keterbukaan, dan kegembiraan kecil yang dikongsi bersama. Anak-anak lebih mudah belajar dalam suasana tenang berbanding suasana penuh tekanan dan ketegangan. Keluarga bahagia juga memberi penekanan kepada nilai spiritual. Pendidikan bukan hanya untuk dunia, tetapi juga untuk akhirat. Anak-anak akan melihat contoh terbaik dalam keluarga sendiri dan setentunya akan menjadi ikutan apabila dewasa.

Kunci kebahagiaan keluarga dan pendidikan yang berjaya ialah komunikasi yang berkesan. Mendengar masalah anak, memberi pujian atas usaha mereka, dan memberi ruang untuk berdialog membina semangat sendiri dan rasa dihargai. Dalam kesibukan hidup, ibu bapa sering lupa terhadap masa bersama anak-anak. Masa berkualiti bukan diukur dengan kuantiti, tetapi keikhlasan.

Membina keluarga bahagia dengan sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga, membaca Al-Quran, meluangkan masa berkualiti bersama duduk semeja ketika waktu makan. Walaupun sibuk, cuba tetapkan waktu khusus seperti makan malam bersama, aktiviti hujung minggu, atau sekadar berbual tanpa gangguan telefon. Kualiti masa lebih penting daripada kuantiti. Meskipun perkara-perkara ini dilihat kecil tetapi impaknya sangat besar untuk mewujudkan kebahagiaan keluarga. Justeru mengukuhkan hubungan kekeluargaan dalam dunia yang semakin mencabar hari ini bukan sekadar soal meluangkan masa bersama, tetapi juga bagaimana kita membina kepercayaan, komunikasi, dan sokongan emosi yang kukuh dalam keluarga. Tekanan kerja, teknologi, dan gaya hidup moden sering menyebabkan jarak emosi jika tidak diurus dengan baik.

Apabila bersama keluarga cuba hadkan penggunaan teknologi. Dunia digital boleh mendekatkan yang jauh, tetapi juga menjauhkan yang dekat jika tidak dikawal. Seringlah lakukan tradisi keluarga seperti sambutan hari lahir, aktiviti tahunan, atau rutin kecil yang boleh mencipta kenangan dan rasa kekeluargaan yang setentunya akan menjadi kenangan kelak.

Dalam dunia yang semakin mencabar, keluarga sepatutnya menjadi tempat paling selamat dan menyokong. Dengan sikap saling menyayangi, setiap anggota keluarga akan saling menghargai satu sama lain. Membangun keluarga yang harmonis memerlukan sikap saling menyayangi antara semua anggota keluarga yang merupakan teras dalam hidup bersama anggota keluarga. Jika keluarga hidup saling mencintai satu sama lain maka keharmonian kehidupan keluarga akan terjal dengan baik. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PM Republik Demokratik Timor-Leste tiba di NBD



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão (atas). Manakala gambar kanan, Majlis Sambutan Rasmi dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara.



>> Muka 1

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Muhammad Asri Awang Haji Abas



Turut hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste ialah Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Menteri Pengiring.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres.

Majlis Sambutan Rasmi dimulakan dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah

negara. Tuan Yang Terutama kemudiannya memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tuan Yang Terutama seterusnya diperkenalkan kepada Menteri - menteri Kabinet; Timbalan - timbalan Menteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Ketua-ketua Perwakilan Asing di NBD; dan Setiausaha-setiausaha Tetap daripada

Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah disembahkan kepada rombongan rasmi Republik Demokratik Timor-Leste.

Ini adalah merupakan Lawatan Rasmi Tuan Yang Terutama kali ketiga ke NBD, dengan Lawatan Rasmi pertama pada tahun 2014 dan lawatan seterusnya pada tahun 2017.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika disembahkan kepada rombongan rasmi Republik Demokratik Timor-Leste (atas kiri). Sementara gambar atas, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste ketika diperkenalkan kepada rombongan NBD. Manakala gambar kiri, TYT semasa memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

سورونجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

Bahagian	Status	Libar Proses
1	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
2	PROSES PERAKUAN	00
3	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
4	TIDAK HADIR	00
5	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
6	PEMOHON DITERIMA	00

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PLATFORM USAHAWAN MEMPROMOSI PRODUK TEMPATAN, ANTARABANGSA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Ahad, 3 Mei. – Siuk Havoc Food Festival Brunei 2.0 kini berlangsung dengan meriah di Jerudong Park Garden dan mendapat sambutan hebat sejak hari pertama penganjurannya.

Acara yang berlangsung selama lima hari bermula 1 Mei berkenaan menghimpunkan lebih 140 vendor makanan tempatan dan antarabangsa yang menawarkan aneka juadah menarik serta makanan viral.

Berkenan berangkat bagi merasmikan acara berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Penganjuran kali kedua berkenaan merupakan kesinambungan kejayaan edisi 2025 yang mencatat kehadiran sekitar 20,000 pengunjung.

Festival berkenaan dianjurkan sebagai usaha memperkembangkan

industri makanan dan minuman di negara ini, di samping memberi peluang kepada para usahawan untuk mempromosi produk masing-masing.

Acara yang dibukakan kepada orang ramai dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 malam berkenaan turut menyediakan suasana santai dan mesra keluarga, sekali gus menjadikannya sebagai lokasi riadah hujung minggu.

Festival berkenaan dijangka terus menarik kunjungan ramai sehingga hari terakhir penganjurannya pada Selasa, 5 Mei 2026.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkecuali berangkat merasmikan Siuk Havoc Food Festival Brunei 2.0

Hadapi ujian dengan keimanan



INTI pati tazkirah bertajuk 'Hidup dan Ujian Berpisah Tiada' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Salihan bin Samra menyerikan Malam Munajat Kali Ke-227 anjuran KHEU.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TUTONG, Ahad, 3 Mei. - Di dalam kehidupan ini, kita tidak akan terlepas daripada pelbagai ujian. Apabila disebut tentang ujian, kita sering cenderung kepada perkara yang buruk atau musibah yang menimpa. Namun hakikatnya, ujian terbahagi kepada dua bentuk iaitu ujian berupa nikmat dan ujian berupa musibah.

Kedua-dua bentuk ujian ini menjadi ukuran keimanan seseorang dalam menghadapinya dan menjalaninya, yang seterusnya dapat menghasilkan perubahan sama ada ke arah kebaikan ataupun sebaliknya.

Setiap ujian yang dihadapi juga berbeza antara satu sama lain, kerana Allah Subhanahu Wata'ala tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, sebahagian daripada ayat 286, yang bermaksud: "Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajipan) melainkan apa yang terdaya olehnya".

Dia mendapat pahala daripada kebaikan yang dilakukannya dan dia juga menanggung dosa daripada kejahatan yang dilakukannya.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Hidup dan Ujian Berpisah Tiada' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Salihan bin Samra, bagi menyerikan

Malam Munajat Kali Ke-227 anjuran KHEU pada malam tadi.

Juga menyerikan Malam Munajat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Menyemarakkan acara munajat minggu ini ialah Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Kampung Lubok Pulau, Masjid Kampung Tanjong Maya, Masjid Kampung Penapar dan Masjid Kampung Bukit Udal di Daerah Tutong; serta beberapa buah masjid di tiga daerah lain.

Turut menyertai ialah warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara munajat malam tadi dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Tanjong Maya, Tutong, Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari, selaku Penasihat Takmir Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong, bersiaran dari masjid berkenaan.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong, Awang Muhammad 'Afyf Zayyan bin Mohammad Hamirundin, yang merupakan penuntut Mahad Islam Brunei Tutong.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Lubok

Pulau, Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Ahmad Yani Zulkarnain bin Haji Yusof.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Awang Muhammad Muiz Izuddin bin Pauji bersama belia-belia dari Masjid Kampung Lubok Pulau, Masjid Kampung Tanjong Maya, Masjid Kampung Penapar, dan Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Suhud bin Haji Razali.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD beserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

Doa Selamat raikan bakal jemaah haji JPM



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyerahkan sumbangan kepada para penerima.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) petang tadi mengadakan Majlis Doa Selamat bagi meraikan seramai 32 bakal jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya yang akan menunaikan Fardu Haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Bangunan JPM, di sini.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat majlis ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji dari JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya oleh tetamu-tetamu kehormat.

Ia diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memberkati majlis untuk memohon keselamatan dalam perjalanan serta urusan menunaikan ibadah haji dipermudahkan bagi bakal-bakal jemaah haji dan mendapat haji yang mabrur.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di JPM serta pegawai-pegawai kanan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji.

PENJAGAAN PRIMER, INTERVENSI AWAL PENTING DALAM RAWATAN BUAH PINGGANG

>> Muka 1

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Apabila pesakit telah menghidap penyakit berkenaan di tahap yang sudah lanjut, peluang untuk intervensi awal berkemungkinan besar telah terlepas.

Perkara tersebut mengukuhkan keperluan kepada pendekatan yang lebih terselaras di seluruh sistem penjagaan kesihatan yang menghubungkan pencegahan, pengesanan awal, rawatan dan pengurusan jangka panjang merentasi semua peringkat penjagaan.

Di Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedang mengambil langkah yang jelas ke arah usaha tersebut dengan memberi penekanan kepada pengukuhan penjagaan primer dan intervensi awal bagi mengurangkan perkembangan penyakit ke tahap lanjut.

"Pertama, kita akan memperkukuh pengesanan awal melalui pendekatan penyaringan dan stratifikasi risiko yang diselenggarakan secara nasional.

"Individu berisiko tinggi, khususnya mereka yang menghidap diabetes, hipertensi, penyakit kardiovaskular dan warga emas perlu dikenal pasti dan dipantau secara konsisten di seluruh sistem," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, kata Yang Berhormat,

Kementerian Kesihatan juga akan meningkatkan akses kepada terapi berasaskan bukti yang dapat memperlambatkan perkembangan penyakit dan mengurangkan komplikasi serta memperkukuh integrasi di seluruh sistem penjagaan kesihatan melalui laluan penjagaan bersama dan rangka kerja rujukan yang jelas.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, penyakit buah pinggang kronik merupakan cabaran global yang semakin meningkat dan menjayakan kira-kira satu daripada 10 orang di seluruh dunia.

Setakat tahun 2025, dianggarkan sebanyak 9.3 peratus daripada penduduk negara ini, iaitu sekitar 42,000 orang daripada jumlah keseluruhan 458,600 penduduk menghidap penyakit buah pinggang kronik.

Pada tahun yang sama, seramai 1,163 individu menerima rawatan bagi penyakit buah pinggang peringkat akhir, mencerminkan peningkatan berterusan dari tahun ke tahun.

"Di bawah Pelan Induk Sistem Kesihatan dan Infrastruktur Penjagaan Kesihatan, perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi tempoh 2015 hingga 2035 diunjurkan meningkat sebanyak 10 peratus menjelang

tahun 2025 dan 25 peratus menjelang tahun 2035.

"Walau bagaimanapun, perbelanjaan penjagaan renal telah melebihi unjuran tersebut, meningkat daripada BND9.7 juta pada tahun 2020 kepada sehingga BND17.0 juta pada tahun 2025 iaitu peningkatan keseluruhan kira-kira 75 peratus atau 7.5 kali lebih tinggi daripada unjuran peningkatan 10 peratus.

"Jumlah ini tidak termasuk kos ubat-ubatan renal yang melebihi BND7 juta setahun serta kos berkaitan pemindahan buah pinggang yang ditanggung di dalam dan luar negara yang menunjukkan beban kewangan yang jauh lebih besar dan terus meningkat," kata Yang Berhormat.

Pengurusan penyakit buah pinggang peringkat akhir, khususnya rawatan dialisis, memerlukan pelaburan negara yang besar dan berterusan.

Berdasarkan anggaran kos *consumables* dan penyampaian rawatan pada tahun 2021, purata kos tahunan bagi rawatan hemodialisis di negara ini adalah sekitar BND30,000 bagi setiap pesakit, manakala dialisis peritoneal automatik pula sekitar BND24,000 bagi setiap pesakit.

Dalam keadaan semasa, jelas Yang Berhormat, kos tersebut

dijangka meningkat dengan ketara disebabkan tekanan global termasuk gangguan rantaian bekalan dan kenaikan harga bahan perubatan *consumables*.

Trend peningkatan ini dijangka berterusan dan akan terus memberi tekanan yang semakin besar terhadap sumber negara dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat, perkembangan dasar penjagaan kesihatan turut membawa pertimbangan baharu apabila didapati sebahagian pesakit bukan warganegara memilih untuk tidak meneruskan rawatan dialisis jangka panjang.

Yang Berhormat berkata, perkara ini menekankan cabaran kompleks berkaitan akses, kemampuan kewangan dan realiti penjagaan sepanjang hayat, selain menggambarkan keputusan sukar yang perlu dihadapi oleh pesakit dan keluarga.

Situasi ini turut menimbulkan pertimbangan penting dari segi kesaksamaan, kualiti hidup serta kemampuan model penjagaan sedia ada dalam memenuhi keperluan pelbagai kumpulan pesakit secara mampan.

Seiring dengan itu, usaha sedang dilaksanakan untuk menubuhkan sebuah yayasan buah pinggang kebangsaan bagi terus menyokong perkhidmatan penjagaan renal di negara ini sebagai satu langkah penting ke



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

hadapan.

"Pada peringkat perkembangan ini, skop sokongan yayasan tersebut akan ditentukan berdasarkan parameter kelayakan yang jelas serta sumber yang tersedia dan tidak semua pesakit mungkin dapat ditanggung sepenuhnya.

"Ini menekankan kepentingan kerjasama berterusan dan tanggungjawab bersama.

"Diharapkan, dari semasa ke semasa, sokongan dapat diperkukuh melalui kerjasama dengan pelbagai organisasi serta inisiatif berasaskan komuniti agar lebih ramai pesakit dapat dibantu mengikut keperluan masing-masing," kata Yang Berhormat.

Simposium perkukuh kesedaran, pendidikan profesional dalam penjagaan buah pinggang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat Simposium Renal 2026 sempena program Hari Buah Pinggang Sedunia dan seterusnya bergambar ramai.

BERAKAS, Ahad, 3 Mei. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal menganjurkan Simposium Renal 2026 sempena program Hari Buah Pinggang Sedunia yang berlangsung di Hotel Mulia, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Simposium berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan kesedaran, pendidikan profesional dan kerjasama strategik dalam penjagaan kesihatan buah pinggang di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 membawa tema antarabangsa 'Kidney Health For All - Caring for People, Protecting the Planet', yang menekankan kepentingan akses saksama kepada penjagaan kesihatan buah pinggang, pengesanan awal penyakit serta amalan penjagaan kesihatan yang mampan.

Penyakit Buah Pinggang Kronik (Chronic Kidney Disease, CKD) kekal sebagai cabaran kesihatan utama, didorong oleh peningkatan faktor risiko seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan obesiti.

Penyakit tersebut sering tidak menunjukkan gejala pada peringkat awal, menyebabkan

ramai pesakit hanya dikesan pada tahap lanjut apabila pilihan rawatan menjadi lebih terhad.

Sebagai usaha memperkukuhkan respons negara terhadap cabaran ini, Simposium Renal 2026 akan menjadi platform utama yang menghimpunkan pegawai dan profesional kesihatan dari pelbagai disiplin untuk membincangkan perkembangan terkini dalam bidang nefrologi, pengurusan penyakit buah pinggang kronik, strategi intervensi awal serta pengukuhan penjagaan primer dalam pengesanan dan pengurusan pesakit.

Simposium bertemakan 'Strengthening Kidney Care

through Primary Health Care' tersebut akan memberi fokus kepada kepentingan pendekatan penjagaan kesihatan primer sebagai barisan hadapan dalam pengesanan awal, pemantauan serta pengurusan penyakit buah pinggang secara bersepadu.

Melalui sesi pembentangan ilmiah, perkongsian kepakaran, perbincangan klinikal dan sesi interaktif, simposium ini akan menyediakan ruang untuk pertukaran ilmu dan amalan terbaiktara profesional kesihatan ke arah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan renal dinegara ini.

Selain Simposium Renal 2026, pelbagai aktiviti akan dianjurkan sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 termasuk Majlis Tahlil dan Tazkirah yang akan diadakan di pusat-pusat dialisis sebagai pengisian kerohanian untuk pesakit, ahli keluarga dan petugas kesihatan; Kempen Kesedaran Awam melalui media massa dan platform digital termasuk penyebaran maklumat kesihatan melalui televisyen, radio dan aplikasi BruHealth; promosi kesihatan komuniti seperti ceramah awam, pameran kesihatan dan program saringan kesihatan terpilih; serta sesi penerangan mengenai pemindahan buah pinggang bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai pilihan rawatan untuk pesakit buah pinggang tahap akhir serta kepentingan kesedaran pendermaan organ.

Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran

mengenai kepentingan penjagaan kesihatan buah pinggang, selain menggalakkan pengesanan awal dan pencegahan penyakit buah pinggang; memperkukuhkan keupayaan profesional kesihatan dalam pengurusan klinikal; dan menyokong pembangunan sistem penjagaan renal yang mampan dan berkesan.

Simposium dihadiri seramai 105 peserta terdiri daripada Pengamal Perubatan Am (GP) terutamanya Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi dari sektor kerajaan dan swasta.

Kementerian Kesihatan berharap agar penganjuran Simposium Renal 2026 dan keseluruhan program Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 akan dapat memperkukuhkan komitmen bersama dalam usaha mencegah penyakit buah pinggang serta meningkatkan kesejahteraan kesihatan rakyat dan penduduk di NBD.

Orang ramai diseru untuk mengamalkan gaya hidup sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan mendapatkan nasihat perubatan awal bagi mengurangkan risiko penyakit buah pinggang.

Turut hadir pada simposium tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Harif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Haji Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; serta ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

JPMC ADAKAN MAJLIS DOA SELAMAT BAGI BAKAL JEMAAH HAJI



JERUDONG, Sabtu, 2 Mei. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) melalui Bahagian Sumber Manusia dan kerjasama Jawatankuasa Sahabat Ibadah Hospital (IFH) hari ini mengadakan Majlis Doa

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Eksekutif JPMC, hadir selaku tetamu kehormat di majlis Doa Selamat berkenaan.

Selamat bagi lapan orang kakitangan JPMC dan Gleneagles JPMC yang akan menunaikan ibadah haji tahun ini, bertempat di Lounge JPMC, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Pengerusi Lembaga Eksekutif JPMC.

Juga hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay Boon Chye; serta Pasukan Pengurusan Kanan JPMC dan Gleneagles JPMC,

ketua-ketua jabatan, dan kakitangan dari JPMC dan Gleneagles JPMC.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Agama JPMC, Awang Amir Ridzuan bin Haji Tengah.

Ini diikuti dengan penyampaian sumbangan kepada lapan bakal jemaah haji, serta bacaan Doa Kesyukuran bagi memohon keberkatan dan perlindungan dalam perjalanan mereka.

Penyampaian sumbangan tersebut sebagai tanda sokongan dan restu kepada para kakitangan.

JPMC terus komited dalam menyokong kesejahteraan rohani dan penglibatan komuniti melalui penganjuran majlis - majlis bermakna yang menyatukan masyarakat dan meraikan nilai-nilai murni yang dikongsi bersama.

Zahirkan kasih sayang, pelihara tanggungjawab lahirkan keluarga 'sakinah'

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin



>> Muka 1

Tazkirah bertajuk 'Keluarga Sakinah : Dibina Dengan Kasih, Dipelihara Dengan Tanggungjawab' itu, Awang Muhammad Safwan menjelaskan bahawa pada hakikatnya, banyak keluarga runtuh bukan kerana tiada cinta tetapi kerana cinta tidak diungkapkan dan dizahirkan.

Awang Muhammad Safwan selanjutnya menegaskan bahawa kasih sahaja tidak mencukupi tanpa dipelihara dengan tanggungjawab. Berdasarkan peringatan Allah dalam Surah At-Tahrim yang antara lain menerangkan bahawa setiap individu bertanggungjawab menjaga

diri dan keluarga daripada kebinasaan.

"Konsep kepimpinan dalam keluarga dijelaskan melalui hadis bahawa setiap orang adalah pemimpin dan akan dipertanggungjawabkan atas amanahnya.

"Adapun tanggungjawab berkenaan merangkumi tiga aspek utama iaitu agama yang menerangkan bahawa mendidik keluarga dengan sembahyang, Al-Quran dan iman, manakala aspek nafkah dan keperluan pula ialah memenuhi keperluan zahir dengan niat ibadah. Sementara aspek akhlak ialah membentuk suasana rumah yang penuh kelembutan dan teladan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Sementara gambar kiri, tazkirah telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah. Manakala gambar bawah kiri, antara jemaah perempuan yang hadir di majlis tersebut.

yang baik," tambahnya lagi.

Penyampaian ceramah itu turut mengingatkan bahawa kejayaan sebenar bukan hanya di luar rumah tetapi bagaimana seseorang itu membina dan memimpin keluarganya di dalam rumah.

Awang Muhammad Safwan juga menyatakan pandangan Imam Al-Ghazali yang menekankan bahawa anak-anak adalah amanah berharga dan jika dididik dengan kebaikan, mereka akan membesar dalam kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sebelum mengakhiri tazkirah, kesimpulannya adalah keluarga 'sakinah' lahir apabila kasih sayang dizahirkan dan terus terpelihara apabila setiap ahli keluarga menunaikan tanggungjawab dengan penuh kesedaran dan keimanan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shahrany bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

Majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa

Hari Keluarga yang dibacakan oleh Awang Sahibol Omar.

HKK disambut pada setiap Ahad pertama bulan Mei setiap tahun. Bagi tahun 2026, sambutan ini jatuh pada Ahad, 3 Mei 2026, dengan tema 'Keluargaku, Harapanku'.

Bersempena Sambutan HKK, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Kesyukuran di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang dihadiri lebih daripada 250 orang.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK, Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, pegawai-pegawai kerajaan, penghulu dan ketua-ketua kampung, penduduk kampung, persatuan-persatuan dan rakan-rakan strategik.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KOMITMEN BERTERUSAN KERAJAAN MEMASTIKAN KEMUDAHAN, SUMBER SOKONGAN SENTIASA MENCUKUPI



GADONG, Sabtu, 2 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hari ini telah mengadakan Majlis Penandatanganan Kontrak Pembekalan dan Perkhidmatan Penyewaan Kenderaan bagi kategori kereta untuk tempoh lima tahun, yang berlangsung di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menandatangani bagi pihak kerajaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul

Samad.

Turut menandatangani bagi pihak PPDB ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin; Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof bagi pihak Jabatan Pengangkutan Darat (JPD); Dato Paduka Haji Zailani bin Haji Ismail bagi pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Dayang Hajah Suraidah binti Haji Muhammad Daud bagi pihak Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN).

Juga berangkat dan hadir sama bagi menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, di samping para pengarah dan Pegawai Kanan PPDB serta agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan.

Majlis berkenaan menyaksikan pemeteraian perjanjian antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan dengan tiga buah syarikat yang dilantik sebagai

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan menandatangani bagi pihak kerajaan (kiri dan atas).

pembekal dan penyedia perkhidmatan, iaitu Syarikat Samakday Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengarahnya, Sii Lik Hung; Carserve Company yang diwakili oleh Pengurus Besar, Thomas Ling Siu Leh; serta Inchcape Services Sendirian Berhad yang diwakili oleh Pengarahnya, Haji Ahmad Omar bin Pehin Dato Haji Hussin.

Secara keseluruhannya, 304 buah kenderaan sewaan akan dibekalkan, merangkumi pelbagai kategori iaitu sedan, kenderaan pelbagai guna (SUV), van, bas, trak ringan dan kab berganda.

Perjanjian ini turut merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Konsolidasi Fiskal (FCP) yang diterajui oleh JPM bersama

Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dalam mempertingkatkan kecekapan perbelanjaan kerajaan dan memperkukuh kerjasama antara sektor awam dan swasta.

Melalui pemeteraian kontrak ini, ia diharapkan dapat menyokong keperluan operasi harian agensi keselamatan dan penguatkuasaan, di samping memperkukuhkan tahap kesiapsiagaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan pihak kerajaan dalam memastikan kemudahan dan sumber sokongan sentiasa mencukupi serta selaras dengan keperluan semasa.

Muhammad Zurkarnain calon Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun, Pelumpong



■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MUARA, Ahad, 3 Mei. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Mukim Serasa diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala, pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada 1 Mei yang lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah

Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Nasehin bin Haji Yahya.

Majlis pengundian dan pemilihan bagi Calon Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Mukim Serasa menyaksikan Awang Muhammad Zurkarnain bin Haji Ibrahim mendapat sebanyak



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan atas kiri).

44 undian setuju, dengan dua undian tidak setuju, dan satu undian rosak.

Awang Muhammad Zurkarnain bin Haji Ibrahim, berumur 42 tahun, mempunyai kelulusan 3 'O' dalam Peperiksaan Peringkat 'O' tahun 2006 dan 2007.

Beliau dicadangkan oleh Pengiran Hajah Mariam binti Pengiran Mat Daud dan disokong oleh Awang Haji Hassan bin Haji Muhammad selaku Penyokong Pertama serta Awang Haji Maidin bin Ramli selaku Penyokong Kedua.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan diadapakan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

41 PERAWAT ISLAM TERIMA SIJIL LATIHAN ASAS KESIHATAN MENTAL

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Kesihatan



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian sijil berkenaan (atas kanan dan atas).

BERAKAS, Sabtu, 2 Mei. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Latihan Asas Kesihatan Mental Bagi Perawat Islam (SKiPPA) Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Dewan Al 'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat serta diteruskan dengan penyerahan Sijil-sijil Latihan Asas Kesihatan Mental kepada seramai 41 Perawat Islam (SKiPPA) Kementerian Kesihatan.

Latihan asas ini dijalankan selama 11 minggu dan telah selesai dilaksanakan pada tahun 2025. Sepanjang kursus, para peserta didedahkan kepada ilmu berkaitan Kesihatan mental dan psikologi daripada perspektif Islam dan sains perubatan. Peserta turut diberikan pendedahan kepada teknik-teknik kaunseling, pendekatan psikologi Islamik serta perbincangan mengenai rawatan holistik dan bersepadu.

Latihan turut merangkumi penggunaan teori secara praktikal melalui sesi lakonan semula *role play*. Ia juga merupakan sebahagian usaha berterusan Kementerian Kesihatan, khususnya Unit Strategi Kesihatan



Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Perkhidmatan Psikologi, Kementerian Kesihatan dan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan.

Inisiatif ini adalah sejajar dengan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai keperluan menangani isu-isu kesihatan mental secara bersepadu daripada perspektif Islam dan sains.

Latihan ini turut menyokong

Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022-2025 yang khusus terkandung dalam Strategi 3 yang menekankan pengukuhan promosi kesihatan mental dan pencegahan penyakit kecelaruan mental dalam kalangan masyarakat.

Sepertimana kursus-kursus sebelumnya, kursus latihan asas kesihatan mental untuk Perantis (Perawat Islam), Kementerian Kesihatan ini juga mengekalkan pendekatan Whole of Government, di mana pelaksanaan kursus ini juga telah disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) khususnya dari segi pengisian kursus yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah.

Inisiatif ini adalah selaras

dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesejahteraan emosi dan mental dari sudut pandangan Islam dan sains. Di samping itu, ia juga diharapkan akan dapat meningkatkan kefahaman dan literasi kesihatan mental dalam kalangan masyarakat serta mengurangkan stigma dan persepsi negatif terhadap isu-isu berkaitan kesihatan mental.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Diskaun Mega Buku DBP sempena Hari Buku Sedunia



Oleh : Pg Vivy Malessa Pg Ibrahim
Foto : Dk Nur Hafilah Pg Osman

BERAKAS, Sabtu, 2 Mei. - Dalam usaha menggalakkan budaya membaca serta membina masyarakat berilmu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penerbitan dan Pemasaran kembali menganjurkan Diskaun Mega Buku DBP sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2026 berlangsung di Balai Sarmayuda DBP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya melancarkan Diskaun Mega Buku DBP ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Diskaun Mega Buku DBP

pertama kalinya dilaksanakan pada tahun 2025 sebagai inisiatif proaktif DBP untuk memperluas akses masyarakat kepada bahan bacaan berkualiti, di samping menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Jualan ini merupakan antara usaha berterusan DBP dalam mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu, celik maklumat dan berbudaya membaca dalam menghadapi cabaran era globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan.

Amalan membaca bukan sahaja membuka ruang kepada penerokaan pelbagai bidang ilmu

dan pemikiran baharu, malah turut menjadi wahana penting dalam memperkukuh penguasaan bahasa Melayu sebagai identiti bangsa dan bahasa rasmi negara.

Diskaun Mega Buku DBP menawarkan potongan harga sehingga 80 peratus bagi lebih 800 judul buku, majalah dan jurnal. Antara bahan yang ditawarkan termasuk buku ilmiah dan jurnal akademik; buku cerita kanak-kanak; buku rujukan istilah, daftar kata, kamus, monograf dan pedoman umum; serta karya sastra seperti cerpen, novel dan puisi.

Selain itu, pengunjung juga berpeluang untuk membuat pembelian secara pukal. Bagi kemudahan orang ramai, pelbagai kaedah pembayaran disediakan termasuk tunai, kad garut serta pembayaran dalam talian.

Diskaun Mega Buku DBP tahun ini diadakan selama tiga hari, bermula hari ini hingga Isnin, dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Balai Sarmayuda DBP, Berakas.

Turut hadir memberikan sokongan ialah ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan dari KKBS, wakil perpustakaan Kementerian dan jabatan, institusi pengajian tinggi serta pihak sekolah, termasuk para pendidik dan pelajar.

Jualan tersebut diharap akan terus mendapat sambutan yang menggalakkan serta memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, khususnya dalam memperkasa ilmu pengetahuan dan memupuk minat membaca.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan Diskaun Mega Buku DBP (kiri dan atas). Manakala gambar bawah, sebahagian daripada para pelajar yang berkunjung ke acara tersebut.



KE ARAH MELAHIRKAN WARGA EMAS SIHAT, PRODUKTIF



YANG Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS ketika menyampaikan ucapan (atas). Sementara gambar kanan dan bawah, antara ahli-ahli WARGAMAS yang hadir di majlis berkenaan.



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

KIULAP, Sabtu, 2 Mei. - Jawatankuasa Tertinggi (JKTT) dan Jawatankuasa Kecil (JKK) bagi kali pertama untuk tahun 2026 yang berlangsung di Balai Yusof,

Restoran Al-Afiah, Kiulap, di sini. Dalam ucapan Yang Di-Pertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don menjelaskan bahawa pelbagai projek, program dan aktiviti yang

dirancang adalah bertujuan melahirkan warga emas yang mampu berdikari bersama keluarga masing-masing, memiliki martabat diri serta mengoptimalkan potensi melalui penuaan yang sihat, aktif dan produktif.

Beliau turut menekankan bahawa pelaksanaan inisiatif sedia ada akan terus dipertingkatkan melalui pendekatan yang lebih pelbagai serta diperkukuhkan dengan perancangan strategik yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Menurut beliau lagi, kerjasama erat antara agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan swasta, pemaju, pemain industri serta masyarakat umum merupakan langkah terbaik dalam memajukan kesejahteraan warga emas di negara ini.

Majlis antara lain diadakan sebagai platform penting dalam

memperkuh hubungan serta hala tuju Pertubuhan WARGAMAS, serta bagi mendapatkan pandangan, idea dan sokongan daripada Jemaah Penasihat yang terdiri daripada individu berpengalaman dalam bidang kepimpinan, kepakaran dan pengurusan strategik.

Selain itu, ia turut bertujuan merapatkan hubungan strategik antara pihak kerajaan, institusi, sektor swasta dan NGO lain dengan Pertubuhan WARGAMAS dalam bidang-bidang berkaitan.

Dalam masa yang sama, majlis ini bermatlamat untuk mencapai kesepakatan bersama dalam menerima serta mempertimbangkan pandangan dan saranan Jemaah Penasihat sebelum sebarang keputusan dibuat, selaras dengan perlembagaan pertubuhan.

Majlis berkenaan juga menekankan iltizam dan komitmen tinggi dalam kalangan ahli JKTT dan JKK untuk melaksanakan tanggungjawab secara bersungguh-sungguh, demi mengukuhkan perpaduan dan kejayaan pelaksanaan setiap projek dan program.

Di samping itu, majlis ini turut menjadi platform untuk membincangkan isu-isu berkaitan warga emas, termasuk aspek kesihatan fizikal dan mental, serta cabaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah. Ia juga berperanan sebagai saluran penyampaian maklumat mengenai pelbagai inisiatif yang dirancang, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara Jemaah Penasihat dan kepimpinan Pertubuhan WARGAMAS.

Pengemaskinian jadual penerbangan haji NBD

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Urusan Haji

JADUAL PENERBANGAN JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1447H / 2026M

Tarikh bertolak dari Negara Brunei Darussalam ke Madinah Al-Munawwarah					
Penerbangan	No Pesawat	Bertolak dari Negara Brunei Darussalam		Tiba di Madinah Al-Munawwarah	
		Hari / Tarikh Masihi	Waktu Bertolak	Hari / Tarikh Masihi	Waktu Tiba
Pertama	BI4201	Isnin 4 Mei 2026	10:15 pagi	Isnin 4 Mei 2026	5:15 petang
Kedua	BI4203	Selasa 5 Mei 2026	10:15 pagi	Selasa 5 Mei 2026	5:15 petang
Ketiga	BI4205	Rabu 6 Mei 2026	10:15 pagi	Rabu 6 Mei 2026	5:15 petang
Keempat	BI4207	Khamis 7 Mei 2026	10:15 pagi	Khamis 7 Mei 2026	5:15 petang

* Waktu tersebut di atas adalah kiraan dalam waktu setempat dan tertakluk kepada perubahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan terdapat pengemaskinian terhadap waktu berangkat dan waktu

Waktu berangkat jemaah haji pada Fasa Pertama dari Negara Brunei Darussalam ke Madinah telah diubah kepada pukul 10.15 pagi (sebelumnya pukul 12.00 tengah hari) mengikut waktu setempat.

Perubahan berkenaan adalah untuk keempat - empat penerbangan iaitu pada 4 Mei 2026 (Isnin), 5 Mei 2026 (Selasa), 6 Mei 2026 (Rabu) dan 7 Mei 2026 (Khamis).

Kesemua penerbangan akan berlepas pada pukul 10.15 pagi dan dijadualkan tiba di Madinah pada pukul 5.15 petang pada hari yang sama.

Bagi Fasa Kedua dari Jeddah ke Negara Brunei Darussalam pula, waktu ketibaan juga mengalami perubahan.

Untuk penerbangan pertama, ketiga dan keempat, waktu ketibaan diubah kepada pukul 12.00 tengah hari (sebelumnya pukul 10.35 pagi).

Manakala untuk penerbangan kedua, waktu ketibaan diubah kepada pukul 11.40 pagi (sebelumnya pukul 10.15 pagi).

Penerbangan pertama akan berlepas dari Jeddah pada 2 Jun 2026 (Selasa) pukul 7.00 malam dan tiba di Brunei pada 12.00 tengah hari keesokan harinya.

Penerbangan kedua pada 3 Jun

JADUAL PENERBANGAN JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1447H / 2026M

Tarikh balik dari Jeddah ke Negara Brunei Darussalam					
Penerbangan	No Pesawat	Bertolak dari Jeddah		Tiba di Negara Brunei Darussalam	
		Hari / Tarikh Masihi	Waktu Bertolak	Hari / Tarikh Masihi	Waktu Tiba
Pertama	BI4222	Selasa 2 Jun 2026	7:00 malam	Rabu 3 Jun 2026	12:00 tengah hari
Kedua	BI4224	Rabu 3 Jun 2026	6:40 petang	Khamis 4 Jun 2026	11:40 pagi
Ketiga	BI4226	Khamis 4 Jun 2026	7:00 malam	Jumaat 5 Jun 2026	12:00 tengah hari
Keempat	BI4228	Jumaat 5 Jun 2026	7:00 malam	Sabtu 6 Jun 2026	12:00 tengah hari

* Waktu tersebut di atas adalah kiraan dalam waktu setempat dan tertakluk kepada perubahan

2026 (Rabu) berlepas pukul 6.40 petang dan tiba pukul 11.40 pagi keesokan hari.

Penerbangan ketiga pada 4 Jun 2026 (Khamis) dan keempat pada 5 Jun 2026 (Jumaat) masing-masing berlepas pukul 7.00 malam dan tiba

pukul 12.00 tengah hari keesokan hari.

Sehubungan itu, para bakal jemaah haji diminta mengambil maklum dan memberikan perhatian terhadap perubahan waktu tersebut.

UBD PERKUKUH APLIKASI PENYELIDIKAN KE ARAH IMPAK DUNIA SEBENAR

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

KUALA LUMPUR, Sabtu, 2 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini telah merasmikan satu perkongsian strategik dengan MIMOS International Venture Sdn. Bhd. (MIVSB) bagi memperkukuh usaha dalam mengaplikasikan penyelidikan, harta intelek dan inovasi teknologi mendalam (*deep tech*) kepada usaha niaga yang mampu berkembang di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seterusnya.

Kerjasama ini menggabungkan kepakaran penyelidikan dan bakat akademik UBD dengan pengalaman MIVSB dalam pengkomersialan, pembangunan usaha niaga dan akses pasaran. Melalui perkongsian ini, inovasi yang dibangunkan di universiti, termasuk harta intelek, penyelesaian teknologi mendalam dan syarikat pemula (*startup*), akan disokong ke arah aplikasi dunia sebenar dan kesediaan pasaran.

Keupayaan UBD dalam penyelidikan antara disiplin, khususnya dalam bidang seperti

kecerdasan buatan, teknologi digital dan *deep tech*, dilengkapi oleh peranan MIVSB dalam menghubungkan hasil penyelidikan dengan permintaan industri, pelaburan dan pasaran antarabangsa.

Perkongsian ini dijangka menyokong perkembangan idea daripada peringkat awal kepada penyelesaian yang boleh diskalakan.

Kerjasama ini juga menyokong penyelidik UBD untuk memajukan hasil kerja mereka melangkaui makmal ke aplikasi praktikal, sekali gus mengukuhkan peranan universiti dalam mengaplikasikan penyelidikan kepada hasil yang menyumbang kepada industri dan pembangunan serantau.

Pengarah Urusan MIVSB, Mohamad Azriani Abd. Aziz menekankan kepentingan kerjasama ini dengan menyatakan perkongsian dengan UBD ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh rantaian nilai inovasi serantau.



SATU perkongsian strategik antara Universiti Brunei Darussalam dengan MIMOS International Venture Sdn. Bhd. telah dirasmikan bagi memperkukuh usaha dalam mengaplikasikan penyelidikan, harta intelek dan inovasi teknologi mendalam (*deep tech*) kepada usaha niaga yang mampu berkembang di Negara Brunei Darussalam dan seterusnya.

"Di MIVSB, peranan kami adalah untuk mengaplikasikan penyelidikan yang terbukti kepada usaha niaga yang berdaya maju dengan menghubungkan pencipta teknologi dengan permintaan industri, modal dan akses pasaran

global.

"UBD membawa saluran kukuh kecemerlangan penyelidikan serta bakat baharu, dan kami komited untuk membolehkan inovasi ini berkembang melangkaui makmal kepada aplikasi dunia sebenar yang

berimpak," jelasnya.

Penolong Naib Canselor UBD (Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan), Dr. Masairol bin Haji Masri turut menekankan impak lebih luas kerjasama ini.

Jadual penerimaan bagasi bakal jemaah haji NBD

PENERBANGAN	PENERIMAAN BAGASI (ADVANCED CHECK-IN)			
	HARI/TARIKH	SYARIKAT	MASA	KAUNTER
Penerbangan Pertama <i>ISNIN</i> 04 Mei 2026	AHAD 03 Mei 2026	Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB)	01.00 – 02.30 petang	ROW B
		Straits Central Agencies Sdn. Bhd. (SCA)	02.30 – 04.00 petang	
Penerbangan Kedua <i>SELASA</i> 05 Mei 2026	ISNIN 04 Mei 2026	Dar El-Ehsan Travel Sdn. Bhd	01.00 – 02.30 petang	ROW C
		Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB)	02.00 – 03.00 petang	
		Titian Travel and Tours Sdn. Bhd	03.00 – 04.00 petang	
Penerbangan Ketiga <i>RABU</i> 06 Mei 2026	SELASA 05 Mei 2026	Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd	01.00 – 02.30 petang	ROW C
		At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.	02.00 – 03.00 petang	
		Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB)	03.00 – 04.00 petang	
Penerbangan Keempat <i>KHAMIS</i> 07 Mei 2026	RABU 06 Mei 2026	Balurih Travel Sdn. Bhd	01.00 – 02.30 petang	ROW B
		Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB)	(Kumpulan A) 01.30–02.30 petang (Kumpulan B) 02.30–04.00 petang	

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Urusan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. – Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Urusan Haji dalam siaran akhbar memaklumkan kepada bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang akan

menunaikan fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bahawa penerimaan bagasi (*Advanced Check-In*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akan dibuat sehari sebelum penerbangan bertolak ke Tanah Suci.

Jadual penerimaan bagasi adalah seperti dalam gambar rajah.

Semua bakal jemaah haji adalah dikehendaki menyerahkan bagasi-bagasi mereka pada hari, tarikh, masa dan tempat yang telah dinyatakan dengan membawa bersama pasport antarabangsa masing-masing.

Semua bakal jemaah haji adalah juga diingatkan supaya tidak membawa barang-barang tegahan dalam penerbangan.

Pengumuman bagi keputusan Tawaran Tertutup TPK

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) bagi satu dan dua angka melalui NomborKu : Click-and-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang JPD di www.jpd.gov.bn dan juga www.nomborku.gov.bn, hari ini.

Sukacita dimaklumkan semua penender yang telah mengikut Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya juga akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran tersebut melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama pihak jabatan ini.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat pendaftaran kenderaan seperti berikut iaitu penender yang berjaya adalah dikehendaki menjelaskan keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK.

Kemudian, mendaftarkan TPK di atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan dari tarikh surat berjaya dikeluarkan, jika penender gagal untuk melunaskan pembayaran dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat berjaya dikeluarkan, tawaran TPK penender adalah dibatalkan.

Permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh surat tawaran berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, penahanan TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran penahanan sebanyak BND20 bagi tempoh setiap satu tahun Penahanan.

Tempoh minima bagi penahan adalah satu tahun dan maksima 10 tahun mengikut jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK.

Pembayaran TPK berjaya dan penahanan TPK boleh dilaksanakan melalui dalam talian atau di mana-mana kaunter cawangan JPD kecuali Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar, jika penender ingin menyerahkan TPK berkenaan, persyaratan perkhidmatan serah bagi TPK satu dan dua angka adalah seperti berikut iaitu Perkhidmatan Serah TPK Satu dan Dua Angka dibenarkan kepada sesiapa sahaja.

Perkhidmatan Serah TPK Satu dan Dua Angka dibenarkan untuk serah lebih dari satu kali sama ada melalui Perkhidmatan Serah TPK sahaja atau Perkhidmatan Serah TPK melalui Tukar Milik Kenderaan; Perkhidmatan Serah TPK Satu dan Dua Angka akan dikenakan Caj Yuran Serah sebanyak BND1,000 dan Caj Perkhidmatan sebanyak BND100.

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada penender-penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sekarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau melalui e-mel hello@jpd.gov.bn dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) untuk maklumat lebih lanjut.

سوره كورني

منديديق جيوا ملالوي عبادة قربان

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن مَنِيغَكْتِكْن كَلِيمَانن كَفْدُنن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فالينغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغاييني الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامن دننيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

سكارغ كيت براد ديولن ذوالقعدة دان تيدق لاما لاكي كيت اكن مهبوت كداتغن بولن ذوالحجة. ذوالحجة اداله بولن يغ ايستيميو باكي اومت اسلام كران اي مرفاكن بولن يغ SIGNIFIKAN دغن عبادة حج دان عبادة قربان.

عبادة قربان مرفاكن عملن يغ ساغت موليا، يغ برأصل درقد قيصة فغوربانن اكوغ نبي ابراهيم عَلَيْهِ السَّلَام دان كلواركن. اي دلقسناكن برسنا هاري راي عيدالاضحي سرتا قد هاري-هاري تشریق، يايت قد ۱۱، ۱۲ دان ۱۳ ذوالحجة. اومت اسلام دسرو اونتوق منونين عبادة اين سباكاي تندا كتقوان دان اوسها اونتوق مندكتن ديري كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الكوثر آية ۲:

مك ديويكته سمبهيغ كران توهنمو دان سمبيله بيناتغ قربان (كران منشوكوري نعمت-نعمتن).

جماعه يغ درحمي الله،

عبادة قربان مرفاكن لامينغ شعار اسلام يغ اكوغ، يغ واجر كيت جونجوغ دان مولياكن. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى منجلسكن دالم القرآن بهاوا مئاكوغكن شعار-شعارن اداله جرمينن كتقوان هاتي سرتا تندا كليمانن يغ تولوس. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة الحج آية ۳۲:

دمكيله (اجرن الله) دان سسياف يغ مفرمي شعار-شعار الله (سقرتي عبادة قربان) مك سسوغكوهن فربواتن ايت اداله تربيت درقد كتقوان هاتي (كقد الله).

سباكيمان يغ كيت كتهوي، بهاوا حكوم ملقسناكن عبادة قربان اداله سنة مؤكدة، يايت سنة يغ ساغت دنونوت دالم اسلام. جوسزو، باكي مريك

يغ برکمقوان، فلواغ يغ اومت برهركا اين، يغ هان داتغ بيراف هاري دالم ستاهون فد بولن ذوالحجة، تيدق سهاروسن دغدغ ريغن اتاو دلقسناكن بكيو سهاج.

جماعه يغ درحمي الله،

رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بكتدا مغمكرن كاكوغن عبادة قربان، دمان ستياف تيبسن داره يغ مغالير كيومي اكن داغتت كتقت يغ موليا دسيسا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. اي اداله ساتو فغجرمين بسر باكي فغوربانن يغ اخلاص. درقد عائشة رَضِيَ اللهُ عَنْهَا، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: مَا عَمِلَ آدَمِيٌّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنَ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرْوَانِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَطْلَافِهَا، وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعُ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَبِّبُوا بِهَا نَفْسًا.

مقصودن: تيدق اد عملن يغ دلاكون اوليه ائق آدم قد هاري راي قربان يغ لبه دسوكاي الله ملاينكن منومهن داره (مهبليه بيناتغ قربان). سسوغكوهن بيناتغ قربان ايت اكن داتغ قد هاري قيامة برسام تندوكن، بولون دان كوكون دان الله ميري فهلا عبادة قربان ايت سلوم داره بيناتغ قربان ايت جاتوه كيومي. اوليه ايت، ايلوقكته قربان كامو. {حديث رواية امام ترمذي}

سسوغكوهن فضيلة برقران سقرتي يغ تله دياتاكن، جلس منونوقكن بناف براونتوغن مريك يغ ملقسناكن عبادة اين. هرتا يغ دبلنحاكن اونتوق ملقسناكن عبادة قربان اكن دبري كنجرن بسر، بروفا كبايكن دننيا دان جوك داخيرة.

حكيمه دسباليك فلقسنان عبادة قربان اين بوكن سهاج دنعمي اوليه مريك يغ برقران، بهكن توروت دراساي اوليه كولوغن يغ منريما اكبهن داكيغ قربان، خصوصن فقير دان مسكين. اينله ساعتن باكي اورغ يغ برقران برفلواغ مغمكبيران مريك دغن بركوغسي نعمت دان رزقي سمات-مات كران الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

جماعه يغ درحمي الله،

جلسله كقد كيت بهاوا عبادة قربان يغ دلقسناكن بوكن سهاج مرفاكن ساتو بنتوق عبادة يغ مباوا كنجرن فهلا، ماله اي جوك برقران سباكاي ميدن تربيه دالم مبتوق صفة-صفة ترؤجي سرتا ميماي نبلاي-نبلاي اسلام يغ لوهور دالم ديري سساورغ. انتارا سيكف ترؤجي يغ دافت دبتوق

ملالوي عبادة قربان اين ايله:

قرتام: منام صفة اخلاص دالم ملقسناكن ستياف عبادة يغ دفرينتهكن اوليه شريعة اسلام. كاخلاصن مرفاكن اساس فنتيغ دالم مستيكن سسواتو عملن دترما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

كلوا: ميماي سيكف شكور ائس سكل نعمت يغ دكورنياكن. ساله ساتو حكمه فشريعتن عبادة قربان اداله باكي ملاهيركن راس كشوكورن كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ائس نعمت كهيدوفن دان رزقي يغ دكورنياكنن.

كيك: ملاتيه دبري اكر سنتياس برصر دالم مهادي اوجين دان جابرن هيدوف. عبادة قربان مغايتهكن كيت اكن فغوربانن نبي ابراهيم عَلَيْهِ السَّلَام دان ائقن نبي اسماعيل عَلَيْهِ السَّلَام، يغ دغن فوه صر دان طاعة ملقسناكن فرينته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

كامقت: موفوق راس بلس كاسيهن دان سماشت تولوغ-منولوغ ترهادف كولوغن يغ كورغ برکمقوان. فشريعتن عبادة قربان جوك مبوكا رواغ كقد مشاركت اونتوق ساليغ قدولي دان مبتنو، تراوتامن كولوغن فقير دان ميسكين، ملالوي اكبهن داكيغ قربان.

اخيرن، ماريله كيت بردعاء اكر عبادة قربان يغ كيت لقسنان منجادي وسيلة كقد كيركن رزقي، فرليندوغن درقد سكل بالا، دان دترما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. سموك ستياف عملن يغ لاهر درقد كاخلاصن دان كتقوان كيت دترما سرتا دبريكن كنجارن فهلا يغ برليقت كندا. آمين يا رب العالمين.

داكيغ دان داره بيناتغ قربان ايت سكاللي-كالي تيدق اكن سمفاي كقد الله تئاي يغ سمفاي كقدن ايله كتقوان كامو. دمكيله دي مودهكن اونتوق كامو سوفاي كامو ميسركن الله اتس هدايتن كقد كامو. دان سمفايكنله خبر كميرا كقد اورغ-اورغ يغ ربوات كبايكن. {سورة الحج آية: ۳۷}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِأَجَاةِ النَّائِبِينَ.

MEMPERKUKUH KEFAHAMAN PENUBUHAN, PERANAN TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID



HADIR sama pada jerayawara berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. - Melalui penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD), umat Islam di negara ini berpeluang untuk meraih ganjaran pahala sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka yang menyumbang kepada pembinaan masjid.

Penubuhan tabung dana ini berperanan sebagai wadah berterusan bagi umat Islam untuk mengumpul ganjaran pahala melalui sumbangan kepada pembangunan masjid, di samping membuka ruang sebagai satu peluang berharga untuk 'bertanam saham' di akhirat.

Bagi memperkukuh kefahaman mengenai penubuhan serta peranan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Urus Setia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD telah mengambil inisiatif melaksanakan program jerayawara ke kementerian-kementerian di negara ini.

Sehubungan itu, jerayawara

SEBAHAGIAN daripada para hadirin di jerayawara tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

tersebut diteruskan pagi tadi khusus bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir sama pada jerayawara berkenaan ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Pemangku Penolong Pengarah Sumber Manusia, Divisyen Pengurusan Korporat dan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan, Dayang Hajah Syazriah binti Haji Abd. Manap.

Sesi penerangan mengenai Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Penerangan tersebut merangkumi latar belakang serta tujuan penubuhan tabung, kaedah dan mekanisme kutipan dana termasuk proses pemotongan gaji, statistik jumlah kutipan, serta perancangan projek yang telah dan akan dilaksanakan.

Sesi turut disusuli dengan soal jawab dan perbincangan bagi memberikan ruang kepada para

peserta mendapatkan penjelasan lanjut. Terdahulu, jerayawara seumpama ini telah diadakan di beberapa buah kementerian di negara ini.

Program tersebut disasarkan khusus kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan yang mula berkhidmat sejak tahun 2020 hingga kini, dengan hasrat untuk memperjelaskan matlamat serta objektif penubuhan tabung berkenaan secara menyeluruh dan berkesan.



SESI penerangan mengenai Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Pupuk kesedaran mengenai kepentingan perancangan persaraan

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Perkhidmatan Persaraan telah meneruskan lagi Program 10 Tahun Menjelang Persaraan yang berlangsung pada Khamis, 30 April 2026, bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Program ini merupakan inisiatif berterusan TAP yang disasarkan kepada Ahli-ahli TAP yang akan bersara dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang (berumur 45 tahun ke atas).

Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membuat perancangan persaraan lebih awal bagi mencapai gaya hidup persaraan yang diinginkan.

Ia juga bertujuan untuk memudahkan akses peserta kepada institusi yang boleh membantu dalam membuat perancangan kewangan yang lebih teratur, meningkatkan kewaspadaan terhadap penipuan kewangan, serta memupuk komuniti yang menyokong satu sama lain dalam perjalanan perancangan persaraan mereka.

Program kali ini menghimpunkan pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Maybank.

Sepanjang program ini, TAP telah mengongsikan beberapa faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam membuat perancangan persaraan, seperti menetapkan matlamat pendapatan persaraan dengan mengenal pasti keperluan semasa bersara nanti serta tindakan yang perlu diambil

SUASANA pada Program 10 Tahun Menjelang Persaraan.

mulai sekarang untuk mengecapi matlamat tersebut.

TAP turut menerangkan mengenai Caruman Sukarela yang membolehkan ahli menambah simpanan ke dalam Akaun Ahli SPK sebagai usaha meningkatkan jumlah simpanan untuk kegunaan persaraan kelak.

Dalam masa yang sama, TAP turut mengingatkan pengeluaran yang dibuat sebelum umur persaraan, biarpun memenuhi keperluan tertentu, akan mengurangkan jumlah simpanan yang sedia ada. Sehubungan itu, ahli digalakkan untuk membuat pertimbangan yang teliti sebelum membuat sebarang pengeluaran.

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) juga turut dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan isu-isu kewangan semasa, dengan penekanan terhadap penipuan kewangan, langkah-langkah keselamatan dalam pelaburan serta kepentingan membuat keputusan kewangan yang berhemah dan berinformasi.

Para peserta juga berpeluang melawat beberapa ruang pameran kewangan yang menyediakan maklumat mengenai produk serta perkhidmatan kewangan berkaitan perancangan persaraan.

TAP turut menyediakan ruangan (booth) pendaftaran e-Amanah, iaitu portal perkhidmatan dalam talian yang membolehkan ahli menyemak baki terkini Akaun SPK mereka serta mengakses pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh TAP secara mudah dan pantas.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026
2. 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026
3. 'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

LESTARIKAN WARISAN SENI MENAMBAT DASTAR, MENAPIH SINJANG PENGANTIN

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



MUKIM MENTIRI, Ahad, 3 Mei. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Mentiri buat julung-julung kalinya mengadakan Bengkel Menambat Dastar dan Menapih Sinjang Pengantin, bertempat di Pusat Kemasyarakatan Kampung Mentiri hari ini.

Seramai 21 peserta yang terdiri daripada 17 lelaki dan empat perempuan mengikuti bengkel sehari yang ditunjuk cara oleh fasilitator yang begitu berpengalaman dalam menambat dastar dan menapih sinjang, iaitu Awang Haji Bakar bin Mansor.

Sepanjang bengkel, Awang Haji Bakar menerangkan jenis-jenis tambatan dastar dan tapihan sinjang yang sememangnya dipraktikkan di negara kita dari dahulu sehinggalah sekarang.

Apakah yang penting adalah minat seseorang itu untuk belajar sehingga memperoleh pengetahuan dan kemahiran terutama sekali bagi generasi muda yang merupakan pewaris dan penyambung tradisi dan budaya yang kita semai dan warisi dari zaman nenek moyang kita lagi agar ia tidak pupus meskipun pada zaman yang serba canggih dan

moden ini.

Pemangku Penghulu Mukim Mentiri dan Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad, menzahirkan penghargaan kepada pembimbing bengkel serta para ketua kampung dan juga penduduk di bawah mukim tadahannya atas penyertaan mereka bagi sama - sama menjayakan program yang julung kalinya yang diadakan oleh MPM ini.

Menurutnya, berikutan dengan maklum balas yang diterima daripada para peserta, pihaknya insyaaAllah merancang untuk mengendalikan bengkel susulan bagi menghalusi praktikal-praktikal dalam menambat dastar dan juga menapih sinjang pengantin berkenaan.

Tambahnya, bengkel seumpama berkenaan juga bermanfaat selain dari segi mempertahankan warisan kita, ia juga berguna dalam menjana pendapatan ekonomi kerana dengan kemahiran berkenaan sekaligus berkecimpung dalam memberikan khidmat 'andaman'



SEKITAR Bengkel Menambat Dastar dan Menapih Sinjang Pengantin yang berlangsung di Pusat Kemasyarakatan Kampung Mentiri (atas dan kiri).

menghias mempelai pengantin dengan kadar bayaran yang tertentu.

Apakah yang menariknya bengkel kali ini adalah penyertaan daripada seorang yang bukan berbangsa Melayu, iaitu David James Lee Tseen Zhong yang merupakan seorang pemuda berbangsa Cina yang sangat teruja mengikuti bengkel adat dan budaya Brunei berkenaan.

Beliau berusia 25 tahun berkenaan semasa ditemui menceritakan pengalamannya yang amat teruja ketika memakai dastar di Majlis Persandingan kawan rapatnya pada dua minggu yang lalu.

Beliau yang juga minat dalam bidang jahitan termasuk menjahit semula barang-barang kain atau baju lama untuk dikitar semula dengan hasil kreatif dan secara tidak langsung, minat untuk belajar dan mengetahui tatacara pakaian dan aksesori tradisi Brunei.

Dengan mengikuti bengkel seumpama berkenaan tambahannya, menambah pengalaman dalam melatih kemahiran untuk mendalami budaya serta mengetahui cara kehidupan masyarakat tempatan.

Selain mengetengahkan budaya warisan kita yang unik berkenaan, adalah menjadi tanggungjawab kita juga untuk mempertahankannya terutama dalam menjaga keindahan

dan keunikannya yang mampu menarik minat masyarakat yang bukan Melayu kerana nilai suatu budaya dan warisan berkenaan sungguh tinggi nilainya.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?

CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau **E-mel (query@spa.gov.bn)** serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي قخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Penganugerahan pingat suntik semangat terus maju dalam bidang pekerjaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. -

Penganugerahan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, iaitu Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) merupakan satu penghargaan yang menjadi bukti kepada penerima atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan dan tugas yang telah diamankan.

Dengan penganugerahan pingat yang dikurniakan berkenaan juga akan dapat menyuntik semangat untuk terus maju dan cemerlang dalam bidang pekerjaan masing-masing dalam jabatan kerajaan mahupun sektor swasta.

Semasa temu bual bersama Pelita Brunei, para penerima yang dikurniakan pingat menzahirkan rasa syukur dan sekali gus turut menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



AWANG Mohammad Fadzil bin Abdullah semasa ditemu bual.

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan pingat kehormatan yang berlangsung baru-baru ini di Istana Nurul Iman, di sini.

Salah seorang penerima, iaitu Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Kesihatan, Awang Mohammad Fadzil bin Abdullah, menzahirkan rasa syukur dan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh pihak jabatan kerajaan.

Awang Mohammad Fadzil seterusnya menjelaskan, beliau telah berkhidmat selama 18 tahun

■ Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

dengan Kementerian Kesihatan. Dalam pada itu, beliau menyarankan kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan serta sektor swasta supaya menjalankan tugas dengan penuh etika dan *work smart* untuk terus berbakti kepada negara.

Manakala bagi Dayang Susieyanti binti Hamdi yang bertugas di Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) selama 17 tahun juga menzahirkan rasa syukur atas pengurniaan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan P.I.K.B berkenaan.

"Penganugerahan pingat ini sangat bermakna bagi saya sebagai tanda penghargaan kepada usaha dan komitmen dalam menjalankan tugas seharian dan pengiktirafan terhadap khidmat bakti saya selama 17 tahun berkhidmat di JBS," katanya lagi.

Dayang Susieyanti seterusnya berkata, pingat berkenaan akan menjadi pembakar semangat untuk terus memberikan khidmat yang terbaik kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sentiasa belajar sesuatu yang baharu setiap hari di samping memperbaiki diri agar mempunyai integriti yang tinggi, berdisiplin, amanah serta lebih meningkatkan motivasi dan semangat untuk berkhidmat melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Tambahnya lagi, kunci utama mengekalkan mutu kerja selama 17 tahun adalah dengan menggabungkan integriti yang konsisten dan sikap adaptif terhadap perubahan, di samping sentiasa memperbaharui motivasi diri agar tidak terperangkap dalam

kebosanan rutin.

"Dengan mengimbangi profesionalisme dan kesejahteraan mental, kita akan mampu memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan cemerlang merentasi peredaran zaman dan kepimpinan.

"Saya berharap agar dapat terus menyumbang khidmat bakti dan kepakaran dalam bidang yang diceburi serta memberi inspirasi kepada rakan-rakan yang lain di samping berharap agar generasi akan datang dalam Perkhidmatan Awam terus berusaha gigih, berdedikasi dan cekap dalam menjalankan tanggungjawab demi kemajuan negara," ujarnya lagi.



DAYANG Susieyanti binti Hamdi semasa ditemu bual.


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

02 / MAR / 2026 / KKBS / PJK / 16.14 (7)(R)
Three (3) Years General Term Maintenance For PABX System At Ministry Of Culture, Youth And Sports Building, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Brunei dan Muara

Bilangan Tawaran dan Nama Sekolah Ugama
KHEU / JPI / KANTIN / 28 / 06
Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Kawasan Brunei I

Bilangan Tawaran dan Nama Sekolah Ugama
KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06
Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Kampung Setia, Kawasan Brunei IV

Daerah Belait

Bilangan Tawaran dan Nama Sekolah Ugama
KHEU / JPI / KANTIN / 40 / 06
Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'datul Bolkihah, Setia

Daerah Temburong

Bilangan Tawaran dan Nama Sekolah Ugama
KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06
Sekolah Ugama Bokok, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
25 Zulkaedah 1447H /
13 Mei 2026M
sebelum jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
**Bilangan Tawaran dan
Keterangan Projek :**

01 / BBS / SH / 2026 - 2027
Renovation Work For Bangunan Bengkel Bandaran, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Lorong Setia Diraja, Kuala Belait

Bilangan Tawaran dan Keterangan Projek :
02 / BBS / SH / 2026 - 2027
Renovation Work For Bangunan Bengkel Bandaran, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Lorong Setia Diraja, Kuala Belait

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 - 2027 / 05
Event Management Services For Pre Visit Brunei Year (VBY) 2027 Roadshow In Jakarta

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian


**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3 (BND2,270 - BND4,240)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2 (BND1,990 - BND2,970)**

atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1 (BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Temburong

Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong khususnya Kampung Lepong Baru, Kampung Lepong Lama, Kampung Semabat, Kampung Temada dan Kampung Kenua bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok.

Tarikh Tutup mengemalkan borang pencalonan adalah pada Sabtu, 11 Muharam 1447 bersamaan 27 Jun 2026, jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 5221266

Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok, Daerah Temburong

1. Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok
- Kampung Lepong Baru
- Kampung Lepong Lama
- Kampung Semabat
- Kampung Temada
- Kampung Kenua


**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**
Tawaran Bagi

The Migration Of Brunei Darussalam Meteorological Department (BDMD) Website To E-Government National Centre (EGNC) Central Web Hosting (CWH) - Azure Wordpress Platform

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2026 / SH-06

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 20 Mei 2026
Jam 9.00 Pagi


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
III, IV & V Sahaja

Kategori:
E01 / E02

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
15 April 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang,
Selasa,
5 Mei 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang,
Selasa,
12 Mei 2026

Bilangan:
JKR / DOR / BBA 21 / 2026

Nama Projek:
Mengganti Sistem Pembumian Di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS)

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
-


Tawaran Bagi

**"The ISO 9001:2015
Recertification To Quality
Management System For Brunei
Darussalam Meteorological
Department For The Provision
Of Meteorological Services"**

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2026 / SH-05

Tarikh Tutup:
Rabu, 20 Mei 2026
Jam 9.00 Pagi

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Aras Permukaan, Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
BB3713
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
01 / 2026 / 2027

Membekalkan Perkhidmatan Jamuan Secara Berkontrak Bagi Mesyuarat, Jerayawara, Dialog, Majlis dan Aktiviti-Aktiviti Yang Dikendalikan Oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Mulai Mei 2026 Hingga Februari 2027 Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027

Tarikh Buka:
Sabtu,
2 Mei 2026

**Tarikh Tutup dan
Tempat Penghantaran:**
Sabtu,
16 Mei 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

Harga Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
(34) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)

Construction Of Prefabricated Portable Cabin And Garbage Enclosure, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Muara, Sungai Besar And Bunut Health Centres, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
BME / A2K / (1649) / 2026 / HTD (B8)

One-Off Preventive Maintenance Services For Eighteen (18) Units Of GE Healthcare Baby Incubator, Model: Giraffe At WCC Ripas Hospital

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
BME / A2K / (1650) / 2026 / HTD (B8)

One-Off Preventive Maintenance Services For Thirty-Five (35) Units Of GE Healthcare Baby Incubator, Model: Omnibed At WCC Ripas Hospital

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
BME / A2K / (1651) / 2026 / HTD (B9)

To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Seven (7) Units Of Midmark Autoclaves, Various Model, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
BME / A2K / (1652) / 2026 / HTD (B9)

To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Five (5) Units Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
BME / A2K / (1653) / 2026 / HTD (B9)

To Supply, Deliver And Install Spare Parts Of Two (2) Units Of ADEC Dental Chair, Model: Performer III, BME20155, S/N: K878951 At Block C Cubicle 6 And BME20157, S/N: K879868 At Block C Cubicle 8 National Dental Centre For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga :
(12) PIHMH / KEW / 008
To Replace Existing Faulty Auto Change Over Oxygen Manifold At Renal Department Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu
16 Mei 2026



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
KKBS / OBBD / F-003
(02-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal Satu (1) Tahun (2026-2027) Bagi Pembekalan Makan/Minum (Dry Ration) Untuk Pegawai Dan Kakitangan Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
14 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 10
Painting Works Of Dewan Utama Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 11
To Supply And Installation Of G25 Concrete On The Existing Road Fillage At Pasar Malam Seri Kenangan Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin
11 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 14(R)

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Managed Services For The Operations Of Brunei Tourism Information Centres

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
5 Mei 2026
Jam 2.00
Petang



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / UPK / EST / 001 / 2026

Tajuk Tawaran:
Term Contract For Housekeeping Services At Public Service Department Building (2026-2028)

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
19 Mei 2026



Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / UPK / HSSE / 001 / 2026

Tajuk Tawaran:
Term Contract For The Provision Of Security Services For Public Service Department Building (2026-2029)

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 Mei 2026



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 115 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Replacement Of Street Lighting Poles And Street Lighting Cables In Tutong District For A Period Of Twelve (12) Months

Tarikh Tutup:
Selasa
5 Mei 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi

Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mempunyai kategori E01 dan E02 dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
03 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Requotation: Term Contract For General Cleaning And Ground Maintenance Services At The Secretariat Office Jalan Perayaan For A Period Of Twelve (12) Months

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
6 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN**

**MOE / LTK / 18 / 2026 / 2027
(JPPE-APRIL-2026)**
Three Years Term Contract Comprehensive Maintenance For Housing Estates Under Brunei Muara District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
IV & V sahaja

Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam

Kategori :
B01, E01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND500.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Membeli Dokumen Tawaran:
Sabtu
16 Mei 2026



Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa
19 Mei 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00
Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
05 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Landscape Improvement To Brunei Museum, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
DCA / CCS / 2026 / T1
To Develop And Operate Food & Beverages / Gift Or Souvenir Retail Outlet At Brunei International Airport

Tarikh Tutup:
Selasa
19 Mei 2026,
Jam 2.00
Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



**PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)**

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



**KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH**

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



**PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)**

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**


**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**



**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**





IMBASAN MINGGUAN



SAHAL satu atur cara yang diadakan semasa Sambutan Hari Buku Sedunia yang diadakan di Sekolah Arab Belait, bertujuan menggalakkan kanak-kanak meneroka serta menghayati keseronokan membaca buku. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PROGRAM Tadabbur Surah Al-Fatihah bertujuan untuk memberikan pendedahan serta kefahaman yang lebih mendalam mengenai maksud dan penghayatan Surah Al-Fatihah dalam kehidupan seharian. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



SAAT-saat gembira dan satu kenangan dalam kehidupan bagi penerima-penerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

AKSI pemain-pemain Brunei DPMM FC sebelum bermulanya Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.



ANTARA satu aksi seni silat yang dipersembahkan semasa Majlis Ramah Mesra sempena Hari Raya Aidilfitri dan menjelang Hari Raya Aidiladha anjuran Majlis Perundingan Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau dengan kerjasama Takmir Masjid Tanjong Maya, Persatuan Kampung Tanjong Maya (PERTAMA) serta KO-PERTAMA. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

TINGKATKAN PENGETAHUAN MENGENAI KEPENTINGAN PENJAGAAN KESIHATAN MULUT, GIGI

LAMBAK KANAN, Sabtu, 2 Mei. - Di Negara Brunei Darussalam, kesihatan mulut dan gigi merupakan salah satu komponen penting dalam penjagaan Kesihatan menyeluruh bagi memastikan kualiti kehidupan masyarakat khususnya warga emas adalah sangat baik.

Penekanan diberikan kepada pengesanan awal masalah pergigian seperti kerosakan gigi, penyakit gusi dan kanser mulut, agar rawatan dapat diberikan awal dan berkesan. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen negara dalam memastikan rakyat menikmati kesihatan mulut yang baik sebagai sebahagian daripada penuaan sihat dan kesejahteraan sepanjang hayat.

Sehubungan itu, Pusat Promosi Kesihatan dengan kerjasama Bahagian Kesihatan Mulut Awam, Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan telah menganjurkan Program Senyum Komuniti (PSK) khas untuk Ahli-ahli Pusat Kegiatan



SERAMAI lebih kurang 40 orang Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas Lambak Kanan telah menyertai Program Senyum Komuniti, di mana para peserta mengikuti sesi senam ringan dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan (atas kanan dan atas kiri).

Warga Emas (PKWE) Lambak Kanan.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta pengetahuan warga emas mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mulut dan gigi sebagai sebahagian daripada amalan penuaan sihat. Kesihatan mulut yang baik memainkan peranan penting dalam pemakanan, pertuturan, keyakinan diri dan kualiti hidup warga emas. Seramai lebih

kurang 40 orang Ahli-ahli PKWE Lambak Kanan menyertai program ini.

Terdahulu program dimulakan dengan sesi senam ringan bagi menyegarkan tubuh sebelum aktiviti utama dijalankan. Para peserta kemudian diberikan taklimat mengenai kesihatan mulut yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Dr. Haji Abdul Azim bin Awang Haji Masri.

Antara pengisian utama



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

program adalah termasuk pemeriksaan kesihatan mulut secara individu, nasihat penjagaan mulut yang bersesuaian dengan keperluan warga emas serta pengisian borang penilaian bagi menilai tahap kefahaman warga emas mengenai sesi yang dijalankan.

Dengan adanya penganjuran

PSK ini mencerminkan komitmen berterusan pihak Kementerian Kesihatan dalam mendekati perkhidmatan promosi kesihatan kepada masyarakat ke arah kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup penduduk warga emas dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

MYCE 2026 EVENT SCHEDULE

Environment

Brunei Darussalam Expedition on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future (Expedition)
4th – 6th May 2026 · Sekitar Perairan Pulau Pelong-Pelongan, Brunei Darussalam

Current Affairs

Governance in Crisis: Risk, Reputation and Board Accountability
20th May 2026 · Radisson Hotel, Brunei Darussalam

Environment

Ocean Week Brunei Launch
2nd June 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Environment

Brunei Darussalam Conference on Sustaining Our Oceans: Innovation, Governance and Resilience for a Blue Future (Conference)
2nd – 4th June 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, UBD

Technology & Innovation

Robotic Coding Conquest
2nd – 7th June 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Islamic

Persidangan Media Islam Serantau Dalam Era Digital (Regional Islamic Media Conference In Digital Era)
2nd – 4th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Technology & Innovation

6th AUN-Technology Enhanced Personalised Learning (AUN-TEPL) Symposium
3rd – 4th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Technology & Innovation

Turning Data into Decision: Incorporating Technology into Governance
6th June 2026 · TBC

Environment

Brunei Sustainable Food & Nutrition Week (World Food Safety Day)
7th June 2026 · Proposed Hybrid Venue (Including Farms & Restaurant)

Environment

Ocean Week Brunei Film Screening & Dialogue: Fisheries, IUU Fishing & the Future
8th June 2026 · One Cineplex, One City

Current Affairs

International Symposium on Educational Development
9th – 10th June 2026 · UBD Chancellor Hall & The Empire Brunei

Islamic

Islamic Architecture Symposium
10th – 14th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Environment

Mangrove Project Launch
11th June 2026 · Mentiri area or Serasa Fish Farm area

Environment

Sea Turtle Night Walk
11th June 2026 · Muara Beach

Current Affairs

Threads of India: A Showcase of Indian Textiles and Fashion
12th June 2026 · Multipurpose Hall, High Commission of India

Environment

Brunei Ocean Exhibition
12th – 14th June 2026 · One City Mall

Environment

Beach Clean Up & Launch of Turtle Hatchery
14th June 2026 · Tanjung Batu Beach

BRUNEI
ABODE OF PEACE

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

فرسیدغن دان قامیرن قرتمهن
تاهون بروني 2026

Technology & Innovation

Dynamik Series of Business Events 2026 – Knowledge. Partnerships. Growth (Main Event)
15th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Environment

Brunei Sustainable Food & Nutrition Week (Sustainable Gastronomy Week)
15th – 28th June 2026 · Proposed Hybrid Venue (Including Farms & Restaurant)

Technology & Innovation

UBD-Snibe Symposium 2026
20th – 21st June 2026 · Pro-Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Technology & Innovation

Dynamik Series of Business Events 2026 – Knowledge. Partnerships. Growth (Hackathon)
21st – 29th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Islamic

Brunei Islamic Economy Conference (BIE-CON) 2026
24th – 25th June 2026 · Mulia Hotel, Brunei Darussalam

Technology & Innovation

The 2nd AUN Dx (Digital Transformation) Thematic Network Annual Meeting
25th – 26th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Current Affairs

ASEAN-Korea Youth Network Workshop
28th – 30th June 2026 · Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Technology & Innovation

Sustainable Ready Industry-5.0: Ai, Research And Innovation (Sr5-Airi)
29th June – 1st July 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)

Islamic

Simposium Pendidikan Tahfiz Di Negara Brunei Darussalam Kali Kedua
30th June 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Islamic

Seminar On Halal Food Services In Tourism: Operational Best Practices
1st – 2nd July 2026 · Hotel (TBC)

Environment

UBD-AUN Summer Camp 2026
1st – 10th July 2026 · TBC

Environment

Fisherman Day Celebration / Hari Nelayan
2nd July 2026 · MPABD Port, Kuala Belait

Environment

Future Ocean Changemakers Youth Forum
6th – 7th July 2026 · Pro Chancellor Arts Centre, Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Islamic

International Conference On Community Outreach & People Empowerment (Ic-Cope 2026)
6th – 7th July 2026 · Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Technology & Innovation

Brunei Odyssey 2026
7th – 16th July 2026 · Universiti Teknologi Brunei (UTB)



LEBIH 30 PENUNGGANG MOTOSIKAL WANITA MERIAHKAN IFRD 2026



ACARA berkenaan telah disertai lebih 30 penunggang motosikal wanita dari seluruh negara daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur (atas dan bawah kanan).

■ Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUTONG, Sabtu, 2 Mei. – Lebih 30 penunggang motosikal wanita dari seluruh negara menyertai sambutan International Female Ride Day (IFRD) 2026, menandakan penyertaan sulung

Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam acara global berkenaan.

Acara yang berlangsung secara serentak di seluruh dunia berkenaan bertujuan untuk meraikan serta memperkasakan

golongan wanita dalam komuniti permotoran, di samping memupuk kesedaran terhadap keselamatan jalan raya dan semangat perpaduan dalam kalangan penunggang wanita.

Para peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan peringkat umur tersebut berkumpul di Stesen Minyak Shell Lubok Pulau sebelum memulakan konvoi menunggang motosikal melalui laluan yang telah ditetapkan iaitu melalui Jalan Tanjong Maya, Kampung Lamunin dan berakhir di Kampung Birau, dengan menampilkan disiplin penunggang yang tinggi serta pematuhan terhadap peraturan lalu lintas.

IFRD merupakan inisiatif global yang diasaskan pada tahun 2007 oleh Vicki Gray dari Kanada, dengan slogan 'Just Ride!'.

Sejak diperkenalkan, IFRD terus berkembang menjadi gerakan antarabangsa yang

disambut lebih 100 buah negara, menghimpunkan ribuan penunggang wanita setiap tahun.

Penyertaan Brunei pada tahun ini dilihat sebagai satu langkah signifikan dalam memperluaskan penglibatan wanita dalam aktiviti bermotosikal secara positif dan teratur, sekali gus membuka ruang kepada lebih ramai wanita untuk tampil aktif dalam komuniti tersebut.

Menurut penganjur tempatan, sambutan yang menggalakkan

ini mencerminkan minat dan sokongan yang semakin meningkat terhadap aktiviti permotoran dalam kalangan wanita di negara ini, selain menjadi platform untuk memperkukuhkan jaringan persahabatan dan solidariti sesama penunggang.

Acara tersebut diakhiri dengan sesi bergambar dan ramah mesra dalam suasana penuh semangat, menandakan kejayaan penganjuran pertama IFRD di NBD.



Operasi Kakas kesan pelbagai kesalahan



OPERASI Kakas 2026 telah dijalankan di Mukim Berakas 'A', Mukim Sengkurong, dan Mukim Gadong 'A' baru-baru ini, di mana pihak berkuasa telah mendapati beberapa kesalahan di bawah Peraturan Imigresen (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Mei. - Dalam usaha berterusan bagi membanteras pesalah - pesalah imigresen yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, BSB telah

melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kakas 2026.

Operasi Kakas 37 / 2026 telah menasaskan beberapa rumah dan bilik sewa di Mukim Berakas 'A' yang mana hasil operasi telah menahan seorang warga asing bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Sementara itu, Operasi Kakas 40 / 2026 telah menasaskan di premis perniagaan di Mukim Sengkurong. Hasil operasi mendapati dua warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut yang mana seorang daripada warga asing berkenaan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini dan seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen,

Penggal 17 iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Manakala Operasi Kakas 41 / 2026 menasaskan di premis perniagaan di Mukim Gadong 'A' dan seramai dua warga asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan. JIPK juga ingin mengongsikan dua sesi pendakwaan yang telah dilaksanakan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Keterangan pendakwaan adalah seperti berikut, Hengky Tjong, seorang lelaki, warganegara Indonesia, berumur 38 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama 10 bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 18 April 2026.

Pendakwaan ini adalah hasil peralihan kes daripada Jabatan Siasatan Kawalan Lalulintas, Pasukan Polis Diraja Brunei kepada JIPK.

Sementara itu, Rafiqul Islam, seorang lelaki, warganegara Bangladesh berumur 34 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama empat bulan dan tiga kali sebatan setelah mengaku bersalah bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen beliau mansuh. Hukuman mula berkuat kuasa pada 21 April 2026.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi Talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun



SEBUAH syarikat telah didapati melakukan kesalahan di tempat projek Kampung Panchor Dulit, Tutong dan telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 2 Mei. - Hasil pemantauan dan pemeriksaan Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggal 30).

Syarikat tersebut ialah Syazwanes Contrator dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari. Syarikat tersebut telah melakukan kesalahan di tempat projek Kampung Panchor Dulit, Tutong.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.





Hanan Falhan, cipta identiti batik Brunei asli, tersendiri

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BATIK merupakan fenomena fesyen bukan sahaja diminati oleh masyarakat terdahulu, tetapi rekaan yang mencerminkan kreativiti dan menterjemahkan identiti masyarakat Melayu ini kini menjadi pilihan anak-anak muda zaman sekarang.

Memelihara warisan berzaman ini, pasti tidak akan terlintas di fikiran kita keunikan batik mampu menarik perhatian belia tempatan kita untuk terjun ke bidang penghasilan batik tempatan.

Awang Muhammad Hanan Falhan, berusia 23 tahun dan memiliki pendidikan tertinggi Kelulusan GCE 'A' Level menjadikan penghasilan batik sebagai salah satu usahanya.

Walaupun tidak mempunyai kelulusan formal khusus dalam bidang tekstil atau seni batik, namun pengusaha muda dalam bidang pembuatan batik ini turut memiliki pengalaman praktikal yang mendalam dalam penghasilan dan pembangunan identiti batik tempatan.

Namun melalui jenama Batik Regalia yang dihasilkan serta penglibatannya secara langsung dalam proses reka bentuk, penyelidikan corak tradisional, serta usaha memperkenalkan batik Brunei asli memberi Muhammad Hanan kefahaman yang kukuh dalam bidang ini.

Menurut Awang Muhammad Hanan dia berazam mengekalkan kesenian batik ini agar ia tidak hilang ditelan waktu ini ditambah pula dia sendiri menggemari rekaan batik yang menjadi pakaian tradisional untuk masyarakat Melayu. Rekaannya sangat unik

kerana ia mempunyai corak yang berbeza, jika dibandingkan dengan pakaian yang lain.

Pada bulan April 2024, Batik Regalia bermula ketika dia masih menuntut di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

"Ketika itu, saya melihat satu peluang untuk mengangkat identiti seni warisan tempatan melalui penghasilan batik Brunei asli. Bermula sebagai inisiatif kecil semasa menuntut ilmu akhirnya berkembang menjadi satu jenama yang membawa misi untuk memperkenalkan corak dan nilai budaya Brunei kepada masyarakat yang lebih luas," tambahnya.

Awang Hanan menjelaskan yang mendorongnya untuk melibatkan diri dalam pembuatan batik ialah keinginan untuk mencipta identiti batik Brunei yang asli dan tersendiri.

"Batik bukan sekadar kain bercorak, tetapi sebagai medium untuk mengekspresikan budaya, sejarah, dan nilai tempatan. Saya mahu menghasilkan sesuatu yang bukan sahaja bernilai seni, tetapi juga mampu mewakili Brunei di peringkat yang lebih luas.

"Bukan sahaja satu kepuasan, tetapi saya ikut berbangga apabila batik Brunei asli yang dihasilkan berjaya memikat pandangan mata tetapi turut dijual keluar negara. Saya mendapati ramai orang di luar negara menggemari batik kerana warna dan keunikan rekaannya," terangnya.

Untuk menjadikan batik relevan kepada masyarakat, ujaninya pendekatan dengan memberi nafas baharu kepada batik tanpa

menghilangkan nilai tradisinya, menentengahkan rekaan segar, eksklusif, dan dekat dengan identiti Brunei perlu supaya batik bukan sahaja dilihat sebagai pakaian tradisional, tetapi juga sebagai karya seni yang boleh digayakan dalam kehidupan seharian.

Bagi menarik minat anak-anak muda, Awang Hanan berkata ia mengekalkan elemen warisan dalam setiap rekaan, tetapi mempersembahkannya dengan pendekatan moden dari segi motif, warna, dan aplikasi produk, selain memberi perhatian kepada penceritaan di sebalik setiap corak, supaya mereka dapat melihat batik sebagai sesuatu yang mempunyai makna, identiti dan memastikan batik tidak hanya terhad kepada pakaian formal atau tradisional bahkan menjadikan batik sebagai sebahagian gaya hidup bagi memastikan warisan seni kraf negara terus hidup dan kekal relevan.

Dari segi corak dan permainan warna, ia sentiasa mencari keseimbangan antara elemen tradisional dan cita rasa moden. Corak batik yang dihasilkan masih berasaskan identiti budaya Melayu Kebruneian diolah dengan susunan yang lebih minimal, kemas, dan kontemporari agar sesuai dengan selera anak-anak muda.

Manakala dari segi motif, ia banyak mengambil inspirasi daripada warisan seperti Ayer Muleh, Bunga Nasional Brunei seperti Bunga Simpung, Bunga Rancah-rancah, Jong Sarat, dan Silubang Bangsi. Unsur-unsur ini mempunyai nilai sejarah dan budaya yang kuat, justeru diterjemahkan ke dalam rekaan batik.

"Dari segi bahan material, beberapa jenis

fabrik digunakan, seperti kain kapas (*cotton*), poliester, dan juga fabrik tenunan tangan (*handwoven*) yang menambah nilai eksklusif serta menonjolkan unsur seni dan kraf tradisional asli dan bagi batik printed, ia lebih bersifat moden dan mampu milik, dengan harga sekitar BND60 hingga BND75. Kategori ini sesuai untuk kegunaan harian dan untuk menarik minat generasi muda yang ingin menggayakan batik dalam cara yang lebih santai tetapi masih mengekalkan identiti budaya.

"Seterusnya, batik *handwoven* berada dalam kategori lebih eksklusif atau *royale class*, dengan harga sekitar BND95 hingga BND120 menggunakan fabrik tenunan tangan yang memberikan tekstur nilai tradisional yang tinggi sesuai untuk acara rasmi dan pemakaian yang lebih premium.

Bagi batik *hand-drawn*, atau dikenali sebagai 'Emperor Class' kategori ini merupakan *design* eksklusif dan artistik, dengan harga sekitar BND200 hingga BND400. Setiap helaian dihasilkan secara teliti dengan sentuhan tangan sepenuhnya, menjadikannya unik dan *masterpiece*.

Terangnya, Batik Regalia mendapat sambutan positif daripada masyarakat tempatan dan warga asing disebabkan impak dari segi mengangkat imej Brunei, beberapa syarikat seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), BLNG, dan Brunei Methanol Company membuat permintaan khusus untuk mencipta konsep batik khas untuk mereka selain delegasi asing yang meminati keunikan batik kita.

"Semoga kami dapat terus melestarikan pemakaian batik di negara ini dalam gaya tradisional mahu pun moden," tambahnya mengakhiri perbualan.

Komplikasi Jika Talasemia Tidak Dirawat

Kerosakan jantung



Masalah pertumbuhan

Kecacatan tulang



Kencing manis dan masalah hati



Pembesaran limpa



Jangkitan kuman berulang




Rawatan Talasemia :

Transfusi darah berkala.



Pemantauan kesihatan berkala :
Termasuk pemeriksaan jantung, hati, hormon, serta ujian fungsi organ secara berkala.



Talasemia, penting jalani program saringan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Infografik : Amdelah Haji Tujoh

8 Mei 2025 merupakan sambutan tahunan Hari Talasemia Sedunia (World Thalassaemia Day), sebuah inisiatif kesihatan global yang diperingati bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap penyakit genetik darah yang serius ini.

Di seluruh dunia, sambutan ini menjadi sesuatu yang begitu penting untuk mengingatkan masyarakat bahawa Talasemia bukan sekadar masalah individu, tetapi isu kesihatan awam yang menuntut perhatian, pendidikan dan pencegahan yang berkesan.

Apa Itu Talasemia?

Talasemia ialah penyakit darah genetik yang menyebabkan badan tidak dapat menghasilkan hemoglobin yang mencukupi atau berfungsi dengan baik. Hemoglobin penting untuk membawa oksigen melalui sel darah merah ke seluruh badan.

Penyakit ini tidak berjangkit, tetapi diwarisi daripada ibu atau bapa yang membawa gen talasemia. Ramai pembawa tidak sedar mereka mempunyai gen ini kerana tiada simptom. Penyakit ini juga turut menjejaskan sel darah merah, diwarisi daripada ibu bapa, di mana pesakit memerlukan transfusi darah berterusan seumur hidup dari kecil lagi.

Jika kedua-dua ibu bapa adalah pembawa, risiko anak mendapat Talasemia Major ialah 25% bagi setiap kehamilan - satu bentuk penyakit yang memerlukan transfusi darah seumur hidup.

Talasemia hanya dapat dikesan melalui ujian saringan, dan ia boleh dicegah melalui perancangan awal sebelum berkahwin.

Jenis-jenis Talasemia

Talasemia dibahagikan kepada dua jenis utama bergantung kepada gen yang terjejas, iaitu Alpha Talasemia dan Beta Talasemia.

- a) **Talasemia Minor (Pembawa)**
 - Mempunyai satu gen talasemia.
 - Tiada simptom atau hanya anemia ringan.
 - Tidak memerlukan rawatan, tetapi boleh mewariskan gen kepada anak.
- b) **Talasemia Major (Pesakit)**
 - Mempunyai dua gen talasemia.
 - Mengalami anemia teruk seawal usia 6 bulan.
 - Perlu transfusi darah seumur hidup dan rawatan penanggal zat besi.
- c) **Talasemia Intermedia**
 - Simptom sederhana antara minor dan major.
 - Kadangkala perlu transfusi darah, bergantung pada keadaan.

Simptom-simptom Talasemia

Tanda dan gejala Talasemia bergantung kepada jenis dan tahap penyakit. Pembawa (minor) biasanya tidak menunjukkan sebarang simptom, manakala pesakit Talasemia Major akan mengalami gejala sejak kecil.

Simptom umum Talasemia Major :

- Keletihan dan lemah badan berpanjangan
- Kulit pucat atau kekuningan
- Pertumbuhan terbantut pada kanak-kanak
- Perut membesar akibat limpa yang membengkak
- Perubahan bentuk tulang muka dan tulang rapuh
- Degupan jantung tidak sekata (kerana kekurangan oksigen)

Rawatan Talasemia

Walaupun belum ada penawar sepenuhnya bagi Talasemia, rawatan sedia ada dapat membantu pesakit menjalani kehidupan yang lebih sihat dan berkualiti.

Rawatan utama termasuk :

- **Transfusi darah berkala** : Pesakit Talasemia Major memerlukan pemindahan darah setiap 2 - 4 minggu bagi mengekalkan

tahap hemoglobin yang mencukupi.

- **Terapi penanggal zat besi (iron chelation therapy)** : Transfusi darah menyebabkan zat besi terkumpul dalam badan. Jika tidak dibuang, ia boleh merosakkan organ seperti jantung dan hati. Ubat khas seperti *deferasirox* atau *deferaxamine* digunakan untuk menyingkirkan zat besi berlebihan.
- **Pemantauan kesihatan berkala** : Termasuk pemeriksaan jantung, hati, hormon, serta ujian fungsi organ secara berkala.
- **Pemindahan sumsum tulang (bone marrow transplant)** : Satu-satunya rawatan berpotensi menyembuhkan Talasemia, tetapi hanya sesuai untuk pesakit tertentu dengan penderma sepadan.

Komplikasi jika Talasemia tidak dirawat

Jika pesakit Talasemia Major tidak mendapat rawatan berkala seperti transfusi darah dan terapi buang zat besi, mereka berisiko mengalami komplikasi serius yang boleh mengancam nyawa.

Kesan jangka panjang termasuk :

- **Kerosakan jantung** : Pengumpulan zat besi boleh menyebabkan kegagalan jantung (*cardiac failure*) - punca kematian utama dalam kalangan pesakit.
- **Pembesaran limpa (splenomegaly)** : Limpa bekerja lebih kuat dan akhirnya perlu dibuang melalui pembedahan (*splenectomy*).
- **Masalah pertumbuhan** : Tumbesaran terbantut, akil baligh lambat atau tidak berlaku, serta masalah kesuburan.
- **Kecacatan tulang** : Terutamanya tulang muka dan kepala yang menyebabkan perubahan bentuk wajah.
- **Kencing manis dan masalah hati** : Kerosakan pankreas dan hati akibat zat besi berlebihan boleh menyebabkan diabetes dan sirosis hati.
- **Jangkitan kuman berulang** : Disebabkan imuniti badan yang lemah atau selepas pembedahan membuang limpa.

Langkah pencegahan Talasemia

Talasemia adalah penyakit genetik, dan satu-satunya cara mencegahnya ialah melalui saringan awal. Mencegah lebih baik daripada merawat - inilah prinsip utama dalam menangani Talasemia.

Langkah pencegahan yang disarankan :

Lakukan ujian saringan Talasemia : Ujian ini mudah, cepat dan boleh dilakukan di semua fasiliti kesihatan kerajaan atau swasta.

Kenali status genetik sebelum berkahwin : Pasangan yang merancang perkahwinan disarankan untuk mengetahui status masing-masing jika kedua-duanya pembawa, risiko anak mendapat Talasemia Major adalah 25% setiap kehamilan.

Dapatkan kaunseling genetik : Jika kedua-dua pasangan adalah pembawa, kaunseling genetik amat penting untuk memahami pilihan yang ada serta implikasi kepada zuriat.

Sebarkan kesedaran di komuniti : Kesedaran orang ramai tentang bahaya talasemia dan cara pencegahannya adalah kunci untuk mengurangkan kelahiran anak-anak yang menghidap Talasemia serius.

Kita selaku komuniti tempatan seharusnya menghulurkan bantuan kepada pesakit Talasemia melalui pendermaan darah atau sokongan mental, serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit Talasemia.

Kepentingan menderma darah, bertujuan untuk menggalakkan orang awam menyertai pendermaan darah, menyokong keperluan transfusi darah jangka panjang pesakit Talasemia. Menderma darah bukan sahaja boleh menyelamatkan nyawa, malah turut membawa manfaat kesihatan fizikal dan mental yang ketara kepada penderma, termasuk mengurangkan tekanan, memperbaiki kesihatan emosi, mempromosikan kesihatan tubuh, membantu meredakan emosi negatif, dan meningkatkan hubungan sosial.



BEKAS PRESIDEN BRAZIL BOLSONARO DIMASUKKAN KE HOSPITAL BAGI PEMBEDAHAN BAHU

BUENOS AIRES, 2 Mei. - Bekas presiden Brazil, Jair Bolsonaro dimasukkan semula ke hospital di ibu negara Brasilia untuk menjalani pembedahan bahu, menurut portal berita G1 pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Bekas pemimpin berusia 71 tahun itu, yang kini menjalani hukuman penjara lebih 27 tahun kerana cubaan rampasan kuasa, menerima

kebenaran khas daripada Mahkamah Persekutuan Agung untuk pemindahan berkenaan.

Bolsonaro kini menjalani hukumannya di bawah tahanan rumah berikutan komplikasi kesihatan berterusan.

Walaupun Bolsonaro berdepan beberapa masalah kesihatan akibat insiden tikaman semasa kempen pilihan raya 2018,

pegawai memaklumkan prosedur semasa itu berkaitan dengan kejadian terjatuh pada Januari yang menyebabkan beliau mengalami kecederaan bahu.

Beliau sebelum ini dimasukkan ke hospital akibat radang paru-paru pada Mac dan pernah ditempatkan di unit rawatan rapi.

Bolsonaro berada dalam

tahanan sejak November tahun lalu selepas disabitkan bersalah kerana berkomplot dengan pihak lain untuk merancang rampasan kuasa terhadap kerajaan penggantinya, Luiz Inacio Lula da Silva.

Namun

tempoh

pemerjarannya mungkin akan dikurangkan tidak lama lagi.

Pada Khamis, Kongres Brazil menyetujui veto Presiden Lula dengan mengekalkan undang-undang yang membolehkan pengiraan semula tempoh hukumannya. - ©BERNAMA

Pusat panduan bas Makkah memudahkan 250 perjalanan harian untuk jemaah haji

MAKKAH, 2 Mei. - Pusat panduan bas Makkah bagi jemaah haji luar negara melancarkan operasi musim haji 1447H/2026M, dengan memudahkan lebih 250 perjalanan harian dari pintu masuk Makkah ke penginapan tempatan, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Menggunakan platform digital,

pusat itu menyediakan penjejakan masa nyata dan pemetaan geografi yang tepat bagi memastikan ketibaan jemaah berjalan lancar.

Pusat itu memaklumkan bahawa pemandu pelancong terlatih menggunakan komputer tablet pintar untuk diselaraskan dengan bilik operasi pusat,

sekali gus meningkatkan keselamatan dan ketepatan perjalanan.

Diselia oleh Kementerian Haji dan Umrah serta Sindiket Am Kereta, sistem berteknologi tinggi itu bertujuan untuk menghapuskan kelewatan dan mengoptimalkan kualiti perkhidmatan pengangkutan di seluruh Makkah. - ©BERNAMA

31 aktivis cedera semasa pintasan Israel terhadap flotila bantuan ke Gaza

ANKARA, 2 Mei. - Sekurang-kurangnya 31 aktivis cedera semasa Israel memintas Flotila Global Sumud yang menuju ke Gaza di perairan antarabangsa, lapor Anadolu Ajansi menurut kenyataan kumpulan itu.

Jawatankuasa Flotila Global Sumud memaklumkan mereka yang cedera termasuk aktivis dari pelbagai negara, antaranya masing-masing empat dari New Zealand dan Australia; masing-masing tiga dari Itali dan Amerika Syarikat (AS); masing-masing dua dari Kanada, Belanda, Sepanyol, United Kingdom, Colombia dan Jerman; serta masing-masing seorang dari Hungary, Ukraine, Perancis, Poland dan Portugal.

Seorang daripada yang cedera memiliki kewarganegaraan dwi Turkiye-Jerman, manakala usaha sedang dijalankan untuk mengenal pasti identiti tiga lagi penumpang, tambahnya.

Dalam kenyataan berasingan, kumpulan itu memaklumkan aktivis yang ditahan semasa pintasan

berkenaan dikenakan layanan buruk di atas kapal tentera laut Israel selama hampir 40 jam.

Menurut kumpulan itu, tahanan sengaja tidak diberikan bekalan air dan makanan yang mencukupi serta dipaksa tidur di atas lantai yang basah.

Ia juga menyatakan peserta yang cuba menghalang penahanan Saif Abukeshk, warga Sepanyol berketurunan Palestin, dan warga Brazil Thiago Avila berdepan tindakan kekerasan oleh tentera Israel.

Seorang aktivis menggambarkan kejadian itu dengan berkata: "Seperti yang anda lihat, hidung saya mungkin patah. Tulang rusuk saya sakit; mungkin juga patah. Saya tidak pasti. Leher saya juga. Mereka menendang kami, menumbuk kami dan menyeret kami di atas tanah, malah kami turut mendengar tembakan dilepaskan ke arah orang ramai," menurut kenyataan itu.

Flotila bantuan kemanusiaan

Global Sumud diserang berhampiran pulau Crete di Greece, kira-kira 600 batu nautika dari destinasi mereka di Semenanjung Gaza yang terjejas akibat sekatan.

Kapal pertama flotila yang membawa bantuan kemanusiaan berlepas dari Barcelona pada 12 April, manakala armada utama memulakan pelayaran dari pulau Sicily di Itali pada 26 April, dengan tujuan memecahkan sekatan berpanjangan Israel terhadap Gaza.

Israel mengenakan sekatan ketat ke atas Semenanjung Gaza sejak 2007, menyebabkan 2.4 juta penduduk wilayah itu berada di ambang kebuluran.

Israel melancarkan serangan selama dua tahun di Semenanjung Gaza pada Oktober 2023, mengorbankan lebih 72,000 orang, mencederakan lebih 172,000 yang lain serta menyebabkan kemusnahan besar di seluruh wilayah yang dikepung itu. - ©BERNAMA

Ribuan penduduk dipindahkan susulan kebakaran hutan di wilayah Tuscany, Republik Itali

ROM, 2 Mei. - Lebih 3,500 penduduk di Republik Itali terpaksa dipindahkan dari kediaman masing-masing berikutan kebakaran hutan yang terus marak di antara bandar Pisa dan Lucca di Wilayah Tuscany, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Perbandaran San Giuliano Terme yang terletak berhampiran Gunung Monte Faeta merupakan antara kawasan paling teruk terjejas, dengan keadaan dilaporkan semakin meruncing sejak malam tadi.

Pihak berkuasa tempatan pada

petang Khamis mengarahkan kesemua penduduk meninggalkan kawasan terbabit, manakala beberapa dewan gimnasium telah diubah suai untuk dijadikan pusat perlindungan sementara.

Kawasan di sekitar Monte Faeta yang terletak di pinggir bandar Pisa merupakan lokasi tumpuan pelancong, terutamanya bagi aktiviti kembara.

Presiden Wilayah, Eugenio Giani menyifatkan situasi semasa sebagai "sangat sukar".

Anggota tentera turut

digerakkan bagi membantu usaha memadamkan kebakaran yang mula tercetus sejak beberapa hari lepas.

Menurut pihak berkuasa tempatan, usaha mengawal api yang marak berdepan kesukaran memandangkan faktor angin kencang yang terus memarakkan lagi kebakaran.

Puluhan anggota penyelamat kini berada di lokasi kejadian dengan dibantu oleh pesawat pemadam api serta helikopter, menurut pihak bomba. - ©BERNAMA

11 maut dalam nahas bas pelancong di barat Mexico

MEXICO CITY, 2 Mei. - Sekurang-kurangnya 11 orang terbunuh dan puluhan lagi cedera pada Jumaat selepas sebuah bas pelancong terbalik di negeri Nayarit di barat Mexico, menurut pihak berkuasa, lapor Xinhua.

Kemalangan itu berlaku berhampiran Amatlan de Canas di Nayarit apabila bas berkenaan terbabas dari jalan raya sebelum terbalik.

Pihak berkuasa pada awalnya melaporkan sekurang-kurangnya 31 orang cedera.

Pejabat pendakwa raya negeri Nayarit kemudian memaklumkan bahawa 11 orang maut - enam di lokasi kejadian dan lima lagi di hospital.

Unit kecemasan dikerahkan bagi membantu mangsa.

Pihak berkuasa Nayarit berkata mereka sedang menyelaras dengan pegawai di negeri Jalisco, tempat asal bas itu, dan telah membuka siasatan terhadap kemalangan berkenaan.

Gabenor Nayarit Miguel Angel Navarro menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa dan mengarahkan supaya sumber negeri digerakkan bagi merawat mereka yang cedera. - ©BERNAMA

AS akan naikkan tarif kereta dan trak EU kepada 25 peratus minggu depan

WASHINGTON, 2 Mei. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Jumaat berkata pentadbirannya akan menaikkan tarif ke atas kereta dan trak dari Kesatuan Eropah (EU) kepada 25 peratus minggu depan, dengan mendakwa blok serantau itu tidak mematuhi perjanjian perdagangan dua hala dengan AS, lapor Agensi Berita Yonhap.

Trump membuat pengumuman itu menerusi hantaran di media sosial, sambil mengulangi bahawa jika negara menghasilkan kenderaan di AS, tiada tarif akan dikenakan.

"Saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa, berdasarkan fakta Kesatuan Eropah tidak mematuhi perjanjian perdagangan yang telah dipersetujui sepenuhnya dengan kita, minggu depan saya akan menaikkan tarif yang dikenakan ke atas Kesatuan Eropah bagi kereta dan trak yang masuk ke Amerika Syarikat," tulisnya di Truth Social. "Tarif itu akan dinaikkan kepada 25 peratus".

Di bawah perjanjian perdagangan tahun lepas, pentadbiran Trump mengurangkan tarif ke atas kenderaan EU kepada 15 peratus. Sebelum itu, kereta EU tertakluk kepada kadar keseluruhan 27.5 peratus, yang terdiri daripada tarif khusus sektor sebanyak 25 peratus serta levi sedia ada sebanyak 2.5 peratus.

Dalam sesi taklimat media kemudian, Trump menyatakan kenaikan tarif itu bertujuan memberi tekanan kepada EU supaya mempercepat usaha memindahkan pengeluaran automotif syarikat mereka ke AS.

"Ia memaksa mereka memindahkan pengeluaran kilang dengan lebih cepat," katanya mengenai kenaikan tarif itu.

Beliau turut berkata ketika ini terdapat lebih US\$100 bilion nilai pembinaan loji automotif sedang dilaksanakan di AS.

"Ia satu rekod. Kita tidak pernah melihat perkara seperti ini ... dari semua negara: Jepun, Korea Selatan ... Kanada, Mexico. Mereka semua membina loji di Amerika Syarikat," katanya. "Tetapi Kesatuan Eropah tidak mematuhi perjanjian yang kita capai".

Pengumuman kenaikan tarif itu dibuat ketika Trump mengkritik anggota Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) kerana tidak memenuhi gesaannya supaya memberikan bantuan tentera laut bagi mengawal keselamatan laluan penting Selat Hormuz, seperti menghantar kapal perang untuk mengiringi kapal dagang melalui perairan itu.

Pada Rabu, presiden itu berkata pentadbirannya sedang "meneliti dan mengkaji" kemungkinan pengurangan tentera AS di Republik Persekutuan Jerman, dengan keputusan dijangka dibuat dalam "tempoh terdekat".

Dalam hantaran Jumaat itu, beliau turut menekankan usahanya untuk menghidupkan semula industri pembuatan automotif Amerika.

"Banyak loji kereta dan trak kini sedang dibina, dengan pelaburan melebihi 100 bilion dolar, SATU REKOD dalam sejarah pembuatan kereta dan trak," katanya. "Loji-loji ini, yang dikendalikan pekerja Amerika, akan mula beroperasi tidak lama lagi -- Tidak pernah berlaku perkara seperti yang sedang berlaku di Amerika hari ini".

Di bawah perjanjian perdagangan dua hala dengan AS tahun lepas, kenderaan Republik Korea Selatan tertakluk kepada tarif sebanyak 15 peratus. - ©BERNAMA

DASAR SIFAR TARIF REPUBLIK RAKYAT CHINA MENINGKATKAN AKSES PASARAN AFRIKA SELATAN



JOHANNESBURG, 3 Mei. - Dasar baharu sifar tarif Republik Rakyat China akan meningkatkan daya saing eksport Afrika Selatan dengan ketara dan menyediakan peluasan pasaran yang belum pernah terjadi sebelumnya, kata Menteri Perdagangan, Industri dan Persaingan Afrika Selatan, Parks Tau, pada Jumaat.

Dasar ini memberikan layanan sifar tarif kepada 53 negara Afrika yang mengekalkan hubungan diplomatik dengan Beijing. Fasa awal inisiatif ini secara rasminya bermula pada 1 Mei 2026 dan dijadualkan berlangsung selama dua tahun.

Dalam satu kenyataan, Jabatan

Perdagangan, Industri dan Persaingan (DTIC) mengesahkan bahawa dari 1 Mei 2026 hingga 30 April 2028, barangan Afrika Selatan yang layak dieksport ke Republik Rakyat China akan dikecualikan daripada duti kastam.

Manfaat ini tertakluk kepada pematuhan jadual tarif yang berkenaan dan peraturan asal usul (*rules of origin*) yang ketat.

Parks Tau menggesa firma-firma Afrika Selatan untuk mematuhi peraturan asal usul ini dengan ketat, termasuk keperluan khusus bagi setiap produk dan penyerahan siji asal usul yang sah bagi memastikan

kelancaran pelepasan kastam di Republik Rakyat China.

"Rangka kerja akses pasaran keutamaan ini menawarkan peluang strategik untuk Afrika Selatan untuk mempelbagaikan kepada produk bernilai tambah tinggi dan mengembangkan akses untuk barangan pertanian, perindustrian dan barangan yang bermanfaat," kata DTIC. "Ia secara langsung menyokong objektif negara seperti pembangunan perindustrian, penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan yang dipacu eksport."

DTIC kini sedang bekerjasama dengan Perkhidmatan Hasil Afrika Selatan untuk memuktamadkan

prosedur kastam dan pelarasan perundangan yang diperlukan untuk pengeluaran siji asal baharu.

Bagi menyokong perniagaan tempatan, DTIC telah mewujudkan meja bantuan khusus dan menyediakan panduan pematuhan yang komprehensif di laman sesawang rasminya.

Tau menambah bahawa skim ini merupakan peristiwa penting untuk Sidang Kemuncak Beijing 2024

bagi Forum on China-Africa Cooperation dan mencerminkan hubungan Sino-African yang semakin mendalam, menawarkan pengeksport pintu masuk ke salah satu pasaran pengguna paling dinamik di dunia. - ©XINHUA



Kontena di sebuah hab perindustrian di Johannesburg, Afrika Selatan.

Hujan abu di Gunung Berapi Mayon, polis Republik Filipina kerah anggota, sumber

MANILA, 3 Mei. - Polis Negara Filipina (PNP) meningkatkan operasi keselamatan dan tindak balas bencana di Albay selepas abu dari Gunung Berapi Mayon menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan awam, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Ketua PNP Jeneral Jose Melencio Nartatez Jr berkata Pejabat Wilayah Polis di Wilayah Bicol (PRO-5) mengerahkan anggota untuk mengamankan komuniti yang terjejas dan menyokong usaha pemindahan.

"Kami telah menggerakkan sebilangan anggota dan sumber yang mencukupi untuk membantu dalam menjalankan protokol tindak balas bencana dan memastikan

penglihatan maksimum dalam komuniti terjejas. Kami akan menghantar lebih banyak lagi apabila diperlukan," kata Nartatez dalam kenyataan pada Ahad.

Pemindahan awal, terutamanya di kawasan dalam zon bahaya, telah dijalankan selaras dengan arahan Presiden Ferdinand R. Marcos Jr untuk melindungi penduduk yang terjejas.

Unit kerajaan tempatan (LGU) juga berada dalam keadaan berjaga-jaga berikutan risiko kesihatan akibat hujan abu dan kemungkinan letusan selanjutnya.

Unit polis mengedarkan topeng muka dan mengeluarkan nasihat untuk mengehendak pendedahan di luar.

"Kami sedang menyelaras

rapat dengan unit kerajaan tempatan dan agensi tindak balas bencana untuk menyediakan sokongan tepat pada masanya dan cekap di lapangan. PNP telah mengarahkan komander untuk mengutamakan keselamatan awam, menguatkuasakan zon larangan dan terus berjaga-jaga sementara aktiviti Mayon berterusan," kata Nartatez.

PNP melaksanakan dengan tegas zon larangan masuk dalam zon bahaya sepanjang enam kilometer.

PRO-5 juga menempatkan penguat kuasa trafik di sepanjang jalan utama bagi memastikan pergerakan tanpa halangan untuk tindak balas kecemasan. -

©BERNAMA

Jordan serang kem penyeludup dadah, senjata di selatan Syria

ISTANBUL, 3 Mei. - Pasukan tentera Jordan melakukan serangan pada awal Ahad ke atas tapak yang digunakan oleh penyeludup dadah dan senjata di sepanjang sempadan utara kerajaan itu di selatan Syria, lapor Anadolu Ajansi, memetik agensi berita negara Petra.

Menurut pasukan tentera, operasi menasarkemudahan dan gudang yang digunakan sebagai tempat pelancaran untuk penyeludupan ke Jordan, sambil menambah bahawa tapak itu dikenal pasti berdasarkan

maklumat risikan dan dimusnahkan dalam serangan tepat.

Serangan dijalankan ketika percubaan penyeludupan meningkat dan menurut pihak tentera, tindakan berkenaan adalah untuk menghalang aliran dadah dan senjata ke negara tersebut.

Jordan, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, melaksanakan serangan serupa yang menasarkemudahan rangkaian pengedaran dadah di sepanjang sempadan utaranya dengan Syria.

Serangan dilakukan semasa pentadbiran baharu Syria mengambil langkah untuk mengukuhkan keselamatan di seluruh negara susulan penggulingan Bashar al-Assad pada akhir 2024 selepas 24 tahun berkuasa.

Assad melarikan diri ke Persekutuan Rusia, menandakan berakhirnya pemerintahan Parti Ba'ath sejak 1963.

Pentadbiran peralihan yang diketuai oleh Presiden Ahmad Al-Sharaa mengambil alih jawatan pada Januari 2025. - ©BERNAMA

Lima maut kereta terjunam ke dalam sungai di Bolivia

LA PAZ, 3 Mei. - Sekurang-kurangnya lima orang terbunuh selepas sebuah kenderaan terjunam ke dalam Sungai Mapiri di perbandaran Guanay, di jabatan barat Bolivia La Paz, lapor Xinhua.

Kenderaan itu membawa sekurang-kurangnya tujuh orang apabila ia terbabas dari jalan raya dan jatuh ke dalam sungai lewat Jumaat, kata pegawai polis tempatan Janeth Perez kepada media tempatan pada Sabtu.

Dua mangsa yang cedera parah berjaya diselamatkan dan dibawa ke pusat perubatan berhampiran.

Polis berkata lima mangsa meninggal dunia akibat lemas dan tiada seorang pun dilaporkan hilang buat masa ini.

Usaha menyelamat diteruskan hingga awal Sabtu dalam keadaan sukar. Pihak berkuasa telah membuka siasatan berhubung punca kemalangan itu. - ©BERNAMA

4 polis Republik India terbunuh dalam letupan IED

NEW DELHI, 3 Mei. - Empat anggota polis Republik India terbunuh pada Sabtu dalam satu letupan di negeri Chhattisgarh, menurut pegawai, lapor Anadolu Ajansi.

"Susulan sejumlah besar pemberontak Maois 'meninggalkan jalan keganasan dan tampil untuk pemulihan', pasukan keselamatan telah 'membersihkan tapak simpanan senjata' milik Maois yang mengandungi IED, senjata, alat ganti senjata, dan peluru", kata P. Sundarraj, pegawai kanan polis di negeri itu kepada pemberita.

Beliau berkata sepasukan anggota telah dihantar untuk mendapatkan semula simpanan tersebut di kawasan hutan di sempadan daerah Narayanpur dan Kanker, iaitu sejumlah besar bahan elektronik yang sebelum ini disembunyikan oleh Maois telah ditemukan.

"Ketika mendapatkan semula satu lagi simpanan, satu letupan IED berlaku," katanya sambil menambah empat anggota polis maut dalam letupan itu.

Selama lebih tiga dekad, pemberontak Maois, yang juga dikenali sebagai Naxal di timur dan tengah Republik India, telah berjuang untuk apa yang mereka panggil sebagai hak orang asli.

Pada Mac, Timbalan Ketua Menteri Chhattisgarh Vijay Sharma berkata bahawa kumpulan bersenjata Naxal telah 'dihapuskan sepenuhnya' di Chhattisgarh. Ia susulan kerajaan India yang berulang kali berikrar untuk membanteras pemberontakan menjelang Mac 2026. - ©BERNAMA

Nahas pesawat luncur, juruterbang 72 tahun maut

BERLIN, 3 Mei. - Seorang juruterbang berusia 72 tahun maut dalam nahas pesawat luncur di Republik Persekutuan Jerman di barat daya Hanover, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Punca kemalangan, yang berlaku pada petang Sabtu di daerah Hameln-Pyrmont di Lower Saxony, masih tidak jelas, kata jurucakap polis.

Pesawat luncur itu melayang turundi kawasan terpencil di sepanjang rabung selepas berlepas dari lapangan terbang berhampiran.

Operasi menyelamat masih dijalankan pada sebelah petang. Pasukan penyelamat gunung dan bomba berada di tempat kejadian, kata polis. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MEMBANGUNKAN SUKAN PICKLEBALL DI NBD



KEJOHANAN Picklrs Open Showdown 2026 Series II telah menerima lebih daripada 400 penyertaan dari dalam dan luar negara, termasuk dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Republik Filipina, dan Republik Indonesia (kiri dan kiri sekali).

Pickleball di NBD, bukan sahaja dari segi jumlah penyertaan, tetapi juga dari segi kualiti permainan.

Melalui platform berkenaan, para pemain tempatan diberi peluang untuk bertanding dalam suasana kompetitif dan mendapat pendedahan antarabangsa.

Kejohanan berkenaan juga menjadi satu langkah ke arah meletakkan NBD sebagai tuan rumah kejohanan bertaraf antarabangsa serta meningkatkan kedudukan negara dalam arena Pickleball serantau.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 3 Mei. - Kejohanan Picklrs Open Showdown 2026 Series II diadakan selama tiga hari bermula Jumaat, 1 Mei 2026 bertempat di Dewan Chung Hwa Middle School Kiudang, di sini.

Pada hari ini, kejohanan diteruskan lagi dengan

menyaksikan perlawanan bagi Kategori Intermediate Mixed Doubles.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyaksikan kejohanan berkenaan ialah Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Kejohanan berkenaan

merangkumi sembilan kategori dipertandingkan, iaitu 35 Tahun Ke Atas Beregu Wanita; 100+ Beregu Campuran; 35 Tahun Ke Atas Beregu Lelaki; Perseorangan Wanita; Intermediate Beregu Wanita; Perseorangan Lelaki; Intermediate Beregu Lelaki; dan Novice Campuran Lelaki; serta Intermediate Beregu Campuran.

Secara keseluruhannya,

kejohanan berkenaan telah menerima lebih daripada 400 penyertaan dari dalam dan luar negara, termasuk dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Malaysia, Republik Singapura, Republik Filipina, dan Republik Indonesia, dengan jumlah keseluruhan hadiah melebihi BND14,000.

Antara lain tujuan penganjuran kejohanan berkenaan ialah untuk membangunkan sukan

Mempertingkatkan mutu permainan bola sepak bagi warga veteran



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Md. Saharin Haji Masri

BERAKAS, Sabtu, 2 Mei. - Pasukan bola sepak veteran iaitu Bru Legend dari Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini

telah bertolak ke Balikpapan, Republik Indonesia bagi Perlawanan Bola Sepak Persahabatan buat julung-julung

kalinya diadakan.

Sebelum meninggalkan negara, Pasukan Bru Legend yang diketuai oleh Awang Md. Saharin bin Haji Masri itu sempat bergambar ramai di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di

PASUKAN Bru Legend bergambar ramai di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum bertolak ke Balikpapan, Republik Indonesia.

dapat mengeratkan silaturahmi antara pemain-pemain senior kedua buah pasukan selain mengembangmajukan lagi kemahiran masing-masing dalam sukan bola sepak.

Selain itu, kedua-dua pihak juga seterusnya akan membincangkan perancangan berkaitan perlawanan persahabatan yang melibatkan seborneo pada masa akan datang nanti.

sini.

Ketua rombongan, Awang Md. Saharin menyatakan bahawa Perlawanan Bola Sepak Persahabatan berkenaan merupakan kolaborasi pertama kali di antara Bru Legend dan Total Legend yang akan berentap di Lapangan Sepinggan Baru di Balikpapan.

Tujuan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan itu diharap akan

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan sedemikian diharap akan menjadi satu platform bagi kedua pihak untuk terus mempererat ukhuwah sekali gus membuka ruang untuk sama-sama mempertingkatkan tahap dan mutu permainan demi kemajuan bola sepak bagi warga veteran memupuk budaya sihat meskipun usia di tahap senior.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSIHKAN HATI, MINDA, JIWA, DENGAN IBADAH